

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI KHAMIS : 16 NOVEMBER 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4, 5, 12 HINGGA NO. 58)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan peruntukan bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan nyatakan kawasan yang terlibat, tempoh pelaksanaan projek ini dan pencapaian projek ini sehingga Jun 2023.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Semenanjung Malaysia Tahun 2022 sedang dilaksanakan dengan kos sebanyak RM48.75 juta bagi tempoh kerja selama 24 bulan bermula 21 April 2023 dan dijangka berakhir pada 21 April 2025 di bawah tempoh RMK-12. Projek ini melibatkan 25 buah kampung dengan 14 kampung di negeri Perak, 10 kampung di Pahang dan satu (1) kampung di Johor termasuk perkampungan Orang Asli (KOA). Sehingga November 2023, projek ini masih lagi berada di peringkat kerja-kerja awalan dan kerja-kerja pembinaan fizikal dijangka akan bermula Februari 2024 setelah urusan izinlalu selesai.

Selain daripada pelaksanaan projek ini, Kementerian juga telah menyiapkan pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sambungan Talian Grid Semenanjung Malaysia Tahun 2020 Secara Rundingan Terus (Reka dan Bina) yang turut melibatkan negeri Kelantan dengan kos keseluruhan sebanyak RM25,000,000.00. Projek ini telah siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2022 dan berada dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) sehingga 9 November 2024. Kampung di daerah Jeli yang terlibat ialah Kampung Sri Bintang, Mukim Pendok, Jeli. Sebanyak tujuh (7) buah rumah telah menerima manfaat melalui projek ini.

Selain itu, berdasarkan maklumat yang diterima daripada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan tiada lagi kampung-kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik di kawasan Jeli. Begitu juga perkampungan orang asli, empat (4) buah KOA iaitu KOA Manok, KOA Sg Rual, KOA Kalok dan KOA Seberang telah menerima sistem bekalan elektrik talian grid Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 [KHAMIS]

SOALAN

YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perincian polisi terkini program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H). Kongsikan juga pecahan perangkaan mengikut negeri dalam tempoh 10 tahun sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Pusat Sehenti Malaysia Rumah Keduaku (OSC MM2H) dalam tempoh peralihan bagi menyelaraskan semua permohonan baharu dan urusan-urusan lain berkaitan pemegang pas MM2H sedia ada daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan syarat-syarat baharu yang dipersetujui dengan mengambil kira semua input dan maklum balas daripada pemegang taruh (*stakeholders*), penggiat industri termasuklah Persatuan Malaysia Rumah Keduaku.

2. Untuk makluman YB juga, sehingga 30 September 2023, pemegang pas MM2H yang aktif adalah berjumlah 55,041 peserta merangkumi prinsipal dan tanggungan. Walau bagaimanapun pecahan peserta tidak direkodkan mengikut negeri-negeri oleh sebab kebanyakan peserta hanya tertumpu di bandar-bandar besar seperti Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan berapa ramaikah pelajar SPM dan STPM baru-baru ini yang berjaya memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam dan apakah jurusan yang paling mendapat sambutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Bagi sesi akademik 2023/2024**, sebanyak **237,805 permohonan layak dipertimbangkan** daripada **239,609** permohonan ke program **pengajian lepasan SPM** di Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA. Jumlah **penawaran** keseluruhan adalah sebanyak **160,738** dengan **peratus kejayaan penawaran** sebanyak **67.59%**.
2. **Manakala bagi lepasan STPM/Setaraf pula**, sebanyak **95,259** permohonan layak dipertimbangkan daripada **118,143** permohonan ke program **pengajian lepasan STPM/Setaraf** di Universiti Awam (UA). Jumlah penawaran keseluruhan adalah sebanyak **79,646** dengan **peratus kejayaan penawaran** adalah **83.61%**.
3. **Tiga (3) program pengajian yang paling mendapat sambutan bagi pelajar lepasan SPM** di UA, Politeknik dan Kolej Komuniti adalah:

i. Universiti Awam (UA)

- 1) Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak di UPSI,
- 2) Diploma Bahasa Inggeris di UPSI, dan
- 3) Diploma Sains Sukan dan Kejurulatihan di UPSI.

ii. Politeknik

- 1) Diploma Pengajian Perniagaan,
- 2) Diploma Seni Kulinari, dan
- 3) Diploma Kejuruteraan Mekanikal.

iii. Kolej Komuniti

- 1) Sijil Kulinari,
- 2) Sijil Teknologi Elektrik, dan
- 3) Sijil Fesyen dan Pakaian.

4. Manakala **tiga (3) program pengajian yang paling mendapat sambutan bagi pelajar lepasan STPM/Setaraf** di UA adalah:

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) Dengan Kepujian **di UPSI**,
- ii. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) Dengan Kepujian **di UPSI**, dan
- iii. Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) **di UiTM**.

5. Populariti program pengajian diukur berdasarkan kekerapan program pengajian tersebut dipilih oleh calon semasa permohonan sebagai pilihan pertama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO` HAJI SHAMSHULKAHAR BIN
MOHD DELI [JEMPOL]
TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO` HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi membangunkan kawasan industri di luar bandar seperti di daerah Jempol dalam konteks Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) supaya membuka peluang pekerjaan baru seterusnya menghidupkan ekonomi setempat.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan* - NIMP 2030) merupakan Pelan Induk Perindustrian edisi keempat yang telah dirangka untuk meningkatkan keupayaan sektor perindustrian negara agar lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global. Berbanding dengan Pelan Induk Perindustrian (IMP) sebelum ini, NIMP 2030 mengambil pendekatan berbeza iaitu berasaskan misi atau *mission-based approach*. Salah satu misi utama yang digariskan di bawah NIMP 2030 iaitu Misi Keempat adalah untuk menjamin sekuriti ekonomi serta keterangkuman (*inclusivity*).

Dalam hal ini, pelaksanaan NIMP 2030 tidak akan hanya tertumpu kepada sesuatu kawasan, tetapi ianya akan mengambil pendekatan pembangunan secara menyeluruh. Ini bertujuan untuk memastikan tiada negeri yang ketinggalan dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang digariskan. Kerajaan Negeri perlu bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi merealisasikan hasrat pelaksanaan NIMP 2030 untuk

memastikan pembangunan secara saksama di semua kawasan di Malaysia.

MITI difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan menerusi *Malaysia Vision Valley* (MVV) seperti yang digariskan di bawah Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 telah mencadangkan daerah Jempol bagi pembangunan *Food Valley* yang akan menjadi hab pengeluaran produk berasaskan pertanian dan penternakan untuk pasaran di Negeri Sembilan dan juga Lembah Klang.

Untuk makluman, sektor ini merupakan antara fokus NIMP 2030 dengan matlamat untuk menaiktaraf teknologi serta pembangunan industri pemprosesan makanan yang mampan dan berdaya saing. Dalam tempoh NIMP 2030, industri ini akan memberi tumpuan ke arah aspek penyelidikan dan pembangunan atau R&D dalam usaha membantu mencapai *food security*; meningkatkan sumbangan industri kepada jumlah eksport negara serta meningkatkan kecekapan pemprosesan makanan, mengoptimum sumber-sumber dan mengurangkan pembaziran makanan.

Tuan yang di-Pertua,

Dalam hal ini, Pasukan *Delivery Management Unit* NIMP (DMU) akan menyusun perbincangan dan mengadakan sesi *Town Hall* bersama setiap pihak Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancang Ekonomi Kerajaan Negeri (UPEN) masing-masing bagi memastikan kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan jaya dan seterusnya mencapai misi yang telah digariskan di bawah NIMP 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi menyediakan jeti baharu bagi bot nelayan laut dan nelayan sungai di kawasan Kuantan susulan notis pengosongan beberapa jeti sedia ada bagi pelaksanaan projek tebatan banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengambil maklum bahawa pemilik-pemilik vesel serta nelayan di daerah Kuantan telah mendapat notis pengosongan dari Pejabat Tanah dan Daerah Kuantan bagi pelaksanaan projek tebatan banjir tersebut. Arahan pengosongan tersebut adalah berikutan Kerajaan Negeri Pahang kini sedang melaksanakan projek tebatan banjir (RTB) dan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Antara skop kerja yang terlibat adalah kerja-kerja menaik taraf Sungai Belat dan membina struktur pencegah banjir di Sungai Kuantan. Jeti-jeti yang terlibat adalah jeti milik persendirian dan bukan di bawah pengurusan pihak LKIM.

KPKM tidak menerima sebarang aduan daripada nelayan berkaitan perkara ini. Buat masa ini, Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk membina dan menyediakan jeti baharu untuk keperluan bot nelayan laut dan sungai. Ini adalah kerana masih terdapat empat (4) buah jeti di bawah LKIM yang masih beroperasi di daerah Kuantan. Namun, sekiranya terdapat keperluan untuk membina jeti baharu, perbincangan bersama pihak JPS, Kerajaan Negeri dan Pahang Water and Energy Resources Sdn. Bhd perlu dibuat terlebih dahulu sebelum permohonan peruntukan di buat dan diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan inisiatif peralihan tenaga negara kalis masa depan seperti bebas pencemaran, akses yang inklusif kepada semua rakyat dan terlindung daripada ketidaktentuan pasaran tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Dasar Tenaga Negara, 2022-2040 (DTN) pada 21 September 2022 bagi memastikan Malaysia memanfaatkan peluang ekonomi daripada peralihan tenaga melalui Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040. DTN dibangunkan berdasarkan Matlamat 7 (SDG7) Agenda Pembangunan Mampan iaitu Memastikan Akses kepada Tenaga yang Mampu Dimiliki, Mampan dan Moden untuk Semua.

Aspirasi Negara Rendah Karbon menyasarkan peningkatan kecekapan tenaga serta peningkatan sumbangan tenaga boleh baharu (TBB) dalam kapasiti terpasang dan campuran tenaga utama (TPES). Stesen janakuasa arang batu baharu juga tidak akan dibangunkan bagi penjanaan tenaga elektrik. Ini selaras dengan sasaran *Nationally Determined Contributions (NDC)* untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030 berbanding tahun 2005 dan mencapai pelepasan GHG sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050.

Walau bagaimanapun, perkembangan global telah merubah landskap sektor tenaga yang turut memberi kesan kepada Malaysia. Natijahnya, pelan tindakan DTN telah disemak semula dengan mengambil kira impak penularan COVID-19, konflik geopolitik dan pematuhan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang semakin diarusperdanakan.

Selain itu, analisa pasaran mendapati industri berkaitan peralihan tenaga berpotensi menjadi sumber pertumbuhan baharu yang dapat meraih manfaat pasaran global. Lanjutan itu, Kementerian Ekonomi telah membangunkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (*National Energy Transition Roadmap - NETR*) bagi mengemudi laluan rendah karbon sektor tenaga ke arah mencapai sasaran pelepasan GHG sifar bersih

seawal-awalnya pada tahun 2050. NETR juga berhasrat menjadikan Malaysia peneraju serantau dalam peralihan tenaga melalui penggembengan usaha bersepadu berdasarkan pendekatan keseluruhan negara.

Bagi mengimbangi trilema tenaga dan meningkatkan daya saing negara, penyertaan sektor swasta domestik dalam industri berkait peralihan tenaga yang meliputi keseluruhan rantai nilai industri TBB, penstoran tenaga, teknologi nyah karbon, teknologi baharu seperti hidrogen perlu dipergiat dan dipercepat. Oleh itu, kerangka dasar dan kawal selia sedia ada akan ditambah baik untuk mempermudah dan menggalakkan pelaburan dan penyertaan sektor swasta. Pemboleh daya seperti pembiayaan, dasar dan kawal selia, modal insan, teknologi dan infrastruktur serta tadbir urus akan dipertingkatkan untuk menyokong industri tempatan menjadi lebih inovatif dan berdaya saing di pasaran tenaga hijau global.

Selain itu, unjuran campuran tenaga utama (TPES) NETR mendapati sumbangan TBB dijangka meningkat kepada 23% berbanding 4% pada tahun 2023. Kebergantungan kepada tenaga berasaskan fosil akan berkurang daripada 96% pada tahun 2023 kepada 77% pada tahun 2050. Ini dijangka akan mengurangkan pelepasan GHG serta risiko terdedah kepada ketidakstabilan harga tenaga fosil di pasaran global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
(SUNGAI BULOH)**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

**DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH] minta MENTERI
KERJA RAYA menyatakan apakah langkah perancangan dan peruntukan
untuk menaik taraf secara keseluruhan Jalan Persekutuan FT15.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil berat dan sentiasa prihatin akan masalah pengguna jalan raya di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang di maksudkan adalah **Menaik Taraf Jalan Subang- Sungai Buloh (FT15), Petaling, Selangor**. Cadangan projek ini telah diluluskan oleh Agensi Pusat pada *Rolling Plan 4* (RP4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah untuk meningkatkan produktiviti petani padi termasuk penglibatan petani muda dalam industri seiring dengan insentif subsidi yang disalurkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa prihatin dalam memastikan bekalan makanan terjamin dan mencukupi sepanjang masa. Antara langkah Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti padi adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) Program SMART SBB Ala Sekinchan

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan yang diperkenalkan pada Mei 2023 telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7.00 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar.

(iii) Pemerkasaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran sebanyak RM3 bilion melalui pembiayaan swasta bagi

menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun; dan

(iv) **Kerjasama Penyelidikan**

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Bagi mengalakkan penglibatan golongan muda dalam industri ini, antara langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah:

- (i) Mengalakkan penggunaan teknologi pertanian yang tinggi seperti penggunaan dron dalam aktiviti pembajaan dan penyemburan racun yang dapat menjimatkan masa dan tenaga selain daripada mempunyai kadar dan kecekapan semburan yang tinggi;
- (ii) Mewujudkan program agropreneur muda untuk membantu dan mengalakkan penglibatan orang muda dalam bidang keusahawanan agro seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan; dan
- (iii) Memupuk minat golongan muda terutama pelajar-pelajar untuk menyertai kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAgrosis). MYAgrosis merupakan satu program berbentuk latihan secara *hands-on* yang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan memupuk minat generasi muda kepada bidang keusahawanan agromakanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kesediaan membentang satu 'Peta Teknologi Nasional Tenaga Boleh Baharu' (RE) atau 'National RE Technology Map' yang memperincikan aspek 'content' dalam NETR atau 'Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai penyediaan “Peta Teknologi Nasional Tenaga Boleh Baharu’ (RE) atau *‘National RE Technology Map’* yang memperincikan aspek kandungan atau “content” bagi dokumen NETR atau “Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga” yang disediakan oleh Kementerian Ekonomi.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sebagai pengguna teknologi (*technology user*) bagi bekalan elektrik bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi untuk membangunkan peta teknologi bagi sektor tenaga secara holistik termasuk bagi industri bekalan elektrik. Penyediaan peta ini juga membolehkan dan membantu pihak Kementerian berkaitan termasuk NRECC, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah bagi menyediakan perancangan dan pembangunan penjanaan bekalan elektrik dengan lebih berdaya maju dan *‘cost efficient’*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pelaksanaan projek Ternakan Ayam Pedaging Sistem Bertutup oleh FELCRA yang bernilai RM20 juta di Kampung Kubang Palas, Padang Terap yang sepatutnya dijadualkan pada Oktober 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa projek ternakan ayam pedaging sistem tertutup di Padang Terap disenaraikan di bawah program pembangunan Rolling Plan 4 2024, RMK-12.

Projek ini dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2025 di atas kawasan seluas **10.12 hektar**. Jangkaan kapasiti projek ini adalah 250,000 ekor ayam bagi satu pusingan dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM30 juta.

Namun begitu, FELCRA telah memulakan kerja-kerja awalan seperti berikut:

1. Menyedia dan menyiapkan dokumentasi kerja-kerja awalan bagi mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.
2. Menyedia dan menyiapkan dokumentasi perjanjian pelaksanaan projek berkenaan dengan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri yang dijangka akan ditandatangani pada 30 Oktober 2023.
3. Menyiapkan kerja-kerja pengukuran sempadan projek berkenaan pada 13 Februari 2023 dan pelan ukur kawasan tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tindakan penyerahan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan senarai 10 pelaburan terbesar di Malaysia, manfaat kepada negara, adakah ia memenuhi keperluan HVHG dan tawaran-tawaran khas yang diberikan untuk menarik mereka ke Malaysia. Apakah sasaran jumlah pelaburan tahun ini dan pelaburan digital yang paling utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) telah mengenalpasti industri-industri *High Growth High Value* (HGHV) adalah industri-industri berasaskan peralihan tenaga, teknologi dan digital, elektrik dan elektronik (E&E) bernilai tinggi, pertanian dan industri asas tani serta nadir bumi.

Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2023, Malaysia telah menarik sejumlah RM132.6 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan utama yang melibatkan 2,651 projek dan dijangka mewujudkan 51,853 peluang pekerjaan di negara ini. Pelaburan langsung domestik (DDI) merupakan penyumbang utama dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM69.3 bilion (52.2%), manakala pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak RM63.3 bilion (47.8%).

Bagi tempoh yang sama, 10 pelaburan terbesar yang masuk ke dalam negara atau pelaburan langsung asing tertinggi yang menyumbang kesan limpahan ekonomi adalah dalam sektor E&E, jentera dan peralatan, teknologi pengangkutan, produk logam asas, dan teknologi maklumat dan komunikasi. Antara keluaran atau aktiviti daripada pelaburan ini adalah keluaran semikonduktor, *Li-ion battery* untuk kegunaan motosikal elektrik, pusat data dan *solar ingot*.

Pelaburan utama ini memenuhi sekurang-kurangnya 3 HGHV yang dikenalpasti di dalam KSP RMKe-12 iaitu HGHV berasaskan peralihan tenaga, teknologi dan digital serta E&E bernilai tinggi.

Sasaran pelaburan bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM220 bilion. Malaysia telah mencapai 60.3% setakat Jun 2023 dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM132.6 bilion seperti yang telah diumumkan pada 17 September 2023. Ini menunjukkan usaha berterusan kerajaan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi dan mendorong pertumbuhan ekonomi yang konsisten.

SOALAN NO : 21

Dalam meningkatkan pelaburan digital di Malaysia, MIDA dan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) telah menubuhkan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) untuk mengkoordinasi dan menyelaraskan pelaburan digital ke dalam negara serta menyediakan kemudahan menyeluruh untuk pelabur dalam merealisasikan pelaburan mereka di Malaysia.

DIO komited untuk menarik pelaburan digital berteknologi tinggi dan lestari untuk mempercepatkan usaha pendigitalan menjelang tahun 2025. Inisiatif ini adalah selaras dengan evolusi landskap pelaburan global ke arah pendigitalan dan Industri 4.0.

Sehingga Jun 2023, DIO telah berjaya menarik pelaburan digital berjumlah RM112.4 bilion. Antara pelaburan digital yang disasarkan adalah pelaburan dalam sektor pusat data, pengkomputeran awan, *data hosting*, analisis data besar dan kecerdasan buatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT
BUNTAR]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN** menyatakan tindakan Kerajaan bagi membantu 452
petani di Parit Buntar yang terjejas akibat hasil padi tidak dapat dituai
kerana masalah tanah jerlus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah jerlus berlaku berpunca daripada keadaan tanah yang sentiasa terendam air dan penggunaan tanah secara berterusan tanpa sebarang tempoh rehat. Keadaan ini menyebabkan tanah tersebut tidak boleh kembali semula ke tahap normal. Bagi membantu pesawah yang menghadapi kemerosotan pengeluaran hasil padi luar jangka, Kementerian telah menubuhkan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) yang merupakan salah satu bantuan berbentuk *touchpoint* kepada para pesawah yang terjejas hasil pengeluaran padi akibat bencana. Walau bagaimanapun, jumlah maksimum bantuan kepada pesawah yang layak adalah terhad kepada keluasan sebanyak tiga (3) hektar sahaja.

Pesawah yang terkesan akibat kejadian tanah jerlus ini boleh mengemukakan permohonan bantuan yang lengkap dan disahkan kepada Jawatankuasa Bencana Negeri masing-masing bagi sesi penilaian sebelum permohonan diperaku dan diteliti di peringkat Jawatankuasa Teknikal iaitu Jabatan Pertanian. Setelah dokumentasi diperakukan di peringkat Jawatankuasa Teknikal, setiap permohonan akan dikemukakan ke peringkat Jawatankuasa Induk TBTP untuk kelulusan. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaku Agensi Pembayar bagi TBTP akan membuat penyaluran kepada pesawah dan pengusaha padi dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk langkah jangka panjang, Kementerian akan melaksanakan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) yang menawarkan jumlah pampasan dan jumlah kawasan yang lebih tinggi berbanding yang ditawarkan di bawah Program TBTP sedia ada. Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji mekanisme pelaksanaan bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan secara holistik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]
minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan mengapa pelajar-
pelajar India yang mendapat keputusan yang cemerlang selalu
menghadapi masalah memperoleh tempat di universiti tempatan dan
matrikulasi untuk **bidang atau jurusan yang dipilih oleh mereka.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kemasukan ke IPT yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah sepenuhnya bersandarkan prinsip meritokrasi yang mengambil kira **pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum 10% tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.**
2. Perkara ini selari dengan penjelasan Kementerian seperti dalam Jawapan Pertanyaan Lisan KPT daripada YB Beruas No. 37 pada 16 Oktober 2023, Jawapan Lisan KPT daripada YB Klang No. 21 pada 6 November 2023 dan Jawapan Bertulis Penggulangan bagi isu Perbincangan Belanjawan 2024 Di Peringkat Dasar pada 30 Oktober 2023 yang dibangkitkan oleh YB Klang.
3. Kejayaan mendapat tempat bergantung sepenuhnya kepada kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan, bilangan tempat yang disediakan serta lulus temu duga dan/ atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.
4. Dengan mengambil kira **pencapaian akademik, perakuan temu duga dan/atau ujian yang ditetapkan dan dikendalikan oleh IPT bagi sesetengah program pengajian, bilangan tempat yang terhad dan keutamaan pilihan calon**, sudah pasti akan terdapat calon yang **tidak berjaya mendapat pilihan pertama mereka.**
5. Untuk makluman, terdapat seramai **8,044 calon cemerlang dengan PNGK 4.00 mewakili 12.79% daripada jumlah keseluruhan calon STPM/ Matrikulasi/ Asasi** yang memohon UPUOnline®.
6. Daripada **8,044 calon cemerlang dengan PNGK 4.00 ini, 5,273** adalah terdiri daripada calon **Bumiputera, 2,007** merupakan kaum **Cina, 662** adalah kaum **India** dan **102** lagi terdiri daripada kaum lain-lain.

7. Daripada jumlah tersebut, **kesemua calon cemerlang dengan PNGK 4.00 ini telah ditawarkan tempat pengajian mengikut 12 pilihan bidang yang dipilih sendiri oleh mereka.**

8. Untuk makluman juga, bagi sesi akademik 2023/2024, **73.65% calon telah berjaya** memperolehi tawaran bagi mengikuti **1,098** program pengajian sarjana muda.

9. Peratus kejayaan calon yang berjaya mendapat tawaran berdasarkan kelayakan mengikut kaum masing-masing adalah seperti berikut:

- i. Bumiputera 72.69%
- ii. Cina 86.65%
- iii. India 66.86%
- i. Lain-lain 70.34%

10. Kesemua calon yang layak tanpa mengira latar keturunan, kaum dan agama bebas membuat sehingga 12 pilihan bidang yang ingin dipelajari melalui permohonan UPU. Dalam hal ini, penawaran ke program pengajian akan diberikan berdasarkan kepada pilihan yang dibuat oleh calon sahaja dan **peratusan kejayaan bagi setiap kaum adalah setara.**

11. Secara umumnya, purata **peratusan kadar penawaran berdasarkan kelayakan masing-masing antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera adalah 72.69% bagi Bumiputera dan 78.70% bagi Bukan Bumiputera.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan untuk melihat semula keperluan mendesak laluan sungai bagi masyarakat di pedalaman terutamanya masyarakat Orang Asli Gerik yang terpaksa berjalan kaki jauh sekiranya musim kemarau tiba kerana hakisan tanah kesan pembalakan menyebabkan paras air menjadi cetek.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan sungai boleh menjadi cetek disebabkan oleh beberapa faktor antaranya adalah kekurangan hujan atau musim kemarau yang berpanjangan dan pemendapan adalah punca semula jadi utama. Pengambilan air yang berlebihan untuk kegunaan manusia, pertanian, dan industri juga menyumbang kepada keketekan sungai. Aktiviti manusia seperti pertanian, industri dan pembalakan hutan boleh mengubah aliran semulajadi sungai, mengakibatkan perubahan morfologi sungai.

2. Pendekatan JPS buat masa ini adalah memberi tumpuan kepada mendalamkan sungai bagi tujuan mengurangkan risiko banjir di kawasan-kawasan kritikal dan buat masa ini sebanyak 6 projek sedang dan telah dilaksanakan di Parlimen Gerik melibatkan Kerja-Kerja Mengorekpulih Sungai Rui Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Bagi Mengurangkan Risiko Banjir di kawasan berikut:

- i. Dataran Loma, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak;
- ii. Kampung Tasek, Mukim Belukar Semang, Daerah Hulu Perak;
- iii. Kampung Selarong Hujung, Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak;
- iv. Kampung Pahat Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Dalam Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak;
- v. Kampung Sira Panas Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Dalam Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak; dan
- vi. Kampung Kuak Tengah, Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak.

3. Bagi mengatasi masalah paras air sungai yang cetek akibat hakisan tanah daripada aktiviti pembalakan atau guna tanah perlu dipantau oleh semua pihak melibatkan agensi-agensi penguatkuasa di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan dalam kerangka Ekonomi Madani akan mengislahkan isu perbezaan gaji antara kumpulan-kumpulan demografi berbeza di Malaysia dalam usaha merapatkan jurang pendapatan yang semakin ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Isu berkenaan jurang pendapatan dan gaji perlu dilihat dalam perspektif yang lebih holistik melibatkan perubahan struktur ekonomi dan disokong dengan dasar dan undang-undang. Usaha ini perlu dilaksanakan secara bersama dengan semua pihak Kerajaan dan industri.
2. Dalam usaha mereformasi pasaran buruh, Kerajaan telah menetapkan sasaran menambah baik struktur gaji berdasarkan beberapa sasaran penting iaitu:
 - i. **meningkatkan pampasan pekerja di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP, RMKe-12) kepada 40 peratus pada tahun 2025 dan di bawah Kerangka Ekonomi Madani pula ialah 45 peratus pada tahun 2030;** dan
 - ii. bagi gaji dan upah penengah bulanan pula, KSP, RMKe-12 mensasarkan sehingga **RM2,700 pada tahun 2025** (RM2,250 pada tahun 2021).
3. Sasaran-sasaran ini adalah bagi memastikan rakyat mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi negara sekali gus mengurangkan jurang pendapatan dan gaji dalam pelbagai kumpulan demografi.
4. Hala tuju baharu dalam penstrukturan gaji adalah melibatkan **peningkatan dalam gaji lantai (*floor wages*) melalui kajian semula perintah gaji minimum semasa.**
5. Dalam konteks Kementerian Sumber Manusia, antara komponen utama yang penting mengenai perbezaan gaji mengikut demografi adalah melibatkan **pekerja mengikut tahap pendidikan, strata** (bandar dan luar bandar) dan **juga jantina**. Bagi mengatasi isu mengenai perbezaan gaji di kalangan pekerja berpendidikan tertuari, inisiatif peningkatan gaji melibatkan usaha-usaha meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran

SOALAN NO : 25

melalui pelbagai program seperti memberi latihan kemahiran (*upskilling* dan *reskilling*) yang berupaya meningkatkan produktiviti mereka.

6. Dalam konteks perbezaan gaji di antara strata (bandar dan luar bandar) dan wilayah, pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022 telah diseragamkan bagi seluruh negara pada kadar RM1,500. Penyeragaman ini adalah bagi mengurangkan diskriminasi gaji berdasarkan strata dan wilayah.

7. Sebarang pertikaian mengenai apa-apa bentuk diskriminasi di tempat pekerjaan termasuk gaji dan upah adalah tertakluk kepada penguatkuasaan undang-undang perburuhan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan faktor utama yang menghalang peningkatan signifikan Kadar Sara Diri (SSL) bagi beras di negara ini memandangkan kebanyakan pengeksport utama beras di seluruh dunia kini mengehendkan bekalan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kadar Sara Diri (SSR) dalam negara dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran beras tempatan dan juga jumlah import beras negara. Tahap SSR pada tahun 2020, tahun 2021 dan tahun 2022 masing-masing adalah 62.9%, 65.2% dan 62.6%. Antara faktor utama yang menghalang peningkatan SSR beras negara adalah disebabkan oleh ketidaktentuan cuaca, serangan penyakit serta serangga perosak, tanah jerlus, pengurusan kehilangan lepas tuai dan penggunaan tanah sawah kepada pembangunan komersial.

Kementerian sedang giat melaksanakan pelbagai langkah intervensi untuk mengatasi isu bekalan beras tempatan. Antara langkah

intervensi dilaksanakan bagi mengatasi masalah kekurangan beras adalah seperti berikut:

- (i) Operasi Beras Putih Tempatan (OP BP), Operasi Jamin (OP JAMIN) iaitu kolaborasi secara strategik dengan KPDN, menguatkuasakan Arahan Had Pembelian Maksimum kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 dan pelbagai sesi libat urus untuk mendapatkan input daripada kesemua pihak berkepentingan dalam industri bagi meredakan kebimbangan mengenai kekurangan Beras Putih Tempatan dalam pasaran;
- (ii) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu :

Fasa 1: Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan
Fasa 2: Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.
- (iii) mengadakan sesi libat urus Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Persatuan Restoran Pengusaha Makanan dan Penjaja Kecil pada 15 September 2023. Sesi ini telah mencapai persetujuan untuk memberi tawaran lesen borong kepada pengusaha makanan yang bernaung di bawah persatuan perniagaan. Melalui lesen borong ini pengusaha makanan dapat menikmati harga belian Beras Putih Import (BPI) pada harga borong iaitu RM160/50kg (harga pintu gudang);
- (iv) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman; dan

- (v) pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan empat (4) langkah intervensi tambahan seperti berikut:
- (a) pemerkasaan edaran Beras Putih Tempatan melalui FAMA dan LPP bagi meningkatkan pengedaran di kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk kedai-kedai runcit;
 - (b) pemberian subsidi sebanyak RM950 per tan metrik bagi BPI di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri akan menjadi pada kadar harga maksima RM31 bagi setiap kampil 10kg;
 - (c) memastikan pembekalan perolehan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI di mana pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dan ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; dan
 - (d) melancarkan *Task Force* Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT) yang diketuai oleh YBTM KPKM dan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan menyeluruh di semua peringkat rantai pembekalan BPT termasuk kilang-kilang besar dan stor-stor pemborong serta peruncit.

Antara langkah intervensi jangka masa sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran beras negara adalah seperti berikut:

(i) **Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan

penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) **Program SMART SBB Model Ala Sekinchan**

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar;

(iii) **Pemeriksaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi**

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran sebanyak RM3 bilion melalui pembiayaan swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan

(iv) **Kerjasama Penyelidikan**

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Antara pelan jangka panjang bagi meningkatkan pengeluaran benih padi sah adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan stokpail bagi benih padi sah bagi memastikan bekalan benih sah adalah terjamin;

NO. SOALAN : 26

- (ii) Penambahan infrastruktur dan plot penanaman benih asas oleh Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI);
- (iii) Memperluas penggunaan benih padi sah di Sabah dan Sarawak dengan peluasan kawasan penanaman baru seluas 50,000 hektar;
- (iv) Penguatkuasaan berterusan bagi mengawal kenaikan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan; dan
- (v) Mempelbagai varieti benih padi yang rentan penyakit dan boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 90 hari, khususnya melalui program penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun.

Kerajaan akan memperluaskan lagi pelaksanaan program SMART SBB terutamanya model Ala Sekinchan ke seluruh negara; menambah keluasan jelapang padi negara terutamanya di Sabah dan Sarawak; meluaskan rangkaian penyelidikan dan pembangunan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci berkenaan peruntukan yang telah diguna dan intervensi yang dilaksanakan bagi merancakkan aktiviti pengeluaran makanan domestik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk memastikan tahap keterjaminan makanan kekal stabil dan mencukupi menerusi peningkatan produktiviti pengeluaran makanan domestik sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap bahan makanan yang diimport.

Melalui inisiatif Belanjawan 2023, pelbagai program telah dilaksanakan bagi merancakkan aktiviti pengeluaran makanan domestik. Antara peruntukan yang telah diguna dan intervensi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) penyaluran **subsidi dan insentif tanaman padi** sebanyak **RM1.6 bilion** kepada pesawah untuk kelangsungan

pengeluaran padi. Inisiatif ini merangkumi sebanyak **RM990 juta** untuk pemberian input pertanian meliputi Skim Baja Padi Persekutuan (SBPKP), Insentif Benih Padi Sah (IBPS), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB). Manakala, **RM630 juta** diperuntukkan untuk pemberian output pertanian iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP);

- (ii) **Program Keterjaminan Makanan** dengan memperuntukkan dana sebanyak **RM100 juta** untuk pelaksanaan pelbagai projek pengeluaran makanan;
- (iii) pemberian **Elaun Modal Dipercepatkan dan pengecualian cukai pendapatan** bersamaan 100% perbelanjaan modal bagi kelengkapan automasi dengan had sehingga **RM10 juta**;
- (iv) peluasan skop **galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan** berasaskan Pertanian Persekitaran Terkawal (CEA) dan perlanjutan tempoh galakan cukai sehingga akhir tahun 2025;
- (v) pemberian **subsidi dan insentif kepada nelayan** seperti Skim Subsidi Diesel dan Petrol serta Insentif Hasil Tangkapan Ikan sebanyak **RM178.2 juta** kepada para nelayan bagi tahun 2023;
- (vi) penyaluran peruntukan bagi inisiatif **Pembangunan dan Penyelidikan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)** sebanyak **RM25 juta** dibawah program Ekonomi Madani bagi tahun 2023. Antaranya merangkumi kajian penghasilan benih tanaman berkualiti, peningkatan skala teknologi kawalan perosak, peningkatan skala bagi tanaman komoditi terpilih, pembangunan produk makanan alternatif dan nutrisi berfungsi serta pemindahan teknologi melalui pakej mekanisasi;

- (vii) penyaluran peruntukan sebanyak **RM200 juta** oleh Agrobank bagi mewujudkan **program kemudahan pembiayaan** yang meliputi keseluruhan teknologi pertanian (agroteknologi) dari segi mekanisasi, automasi, pertanian tepat dan teknologi 4IR serta teknologi hijau yang dapat meningkatkan produktiviti agropreneur;
- (viii) penyediaan insentif dengan penawaran bantuan geran dalam bentuk barangan sehingga **RM20,000** bagi **setiap penerima** yang layak menerusi pelaksanaan **Program Agropreneur Muda**;
- (ix) pelaksanaan pelbagai program **promosi dan jualan terus** seperti **Jualan Agro Madani (JAM)** menerusi peruntukan sebanyak **RM6.86 juta** untuk pelaksanaan **5,000 program JAM** untuk tahun 2023 bagi membantu pengeluar memasarkan produk secara terus kepada pengguna menerusi penjimatan antara 10% hingga 30% dari harga pasaran; dan
- (x) pemberian **insentif galakan** kepada para petani tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran menerusi pelaksanaan **program meningkatkan pengeluaran benih** yang berkualiti dari dalam negara bagi menampung kos pengeluaran berikutan kenaikan harga input pertanian seperti benih tanaman, racun rumpai dan baja; dan
- (xi) bantuan berbentuk *in-kind* kepada pengusaha akuakultur seperti peralatan ternakan, makanan ternakan serta pembekalan benih ternakan melalui **Program Pembangunan Akuakultur**.

Selain inisiatif di bawah KPKM, terdapat juga inisiatif di bawah agensi lain yang dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan, antaranya:

- (i) **Skim Pembiayaan Agromakanan** sebanyak **RM1 bilion** di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu

pengusaha agromakanan meningkatkan produktiviti pengeluaran;

- (ii) **Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)** sebanyak **RM750 juta** yang memberikan tumpuan kepada aktiviti ekonomi komuniti setempat terutamanya pertanian dan agromakanan;
- (iii) Kerjasama dengan Kerajaan Negeri sebanyak **RM30 juta** bagi melaksanakan projek agromakanan;
- (iv) **Program Digital AgTech** sebanyak **RM10 juta di bawah Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** untuk meningkatkan adaptasi teknologi dan automasi dalam kalangan peladang; dan
- (v) **Program Kebun Komuniti** sebanyak **RM10 juta** untuk keseluruhan Parlimen bagi menyokong agenda keterjaminan makanan.

Pihak KPKM sentiasa komited memastikan peruntukan yang sewajarnya diguna pakai dalam melaksanakan pelbagai intervensi dan inisiatif berimpak tinggi dalam merencanakan aktiviti pengeluaran makanan domestik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dicapai dalam meningkatkan jumlah pendaratan hasil laut di Melaka yang telah merosot dengan begitu ketara di mana pada tahun 2022 hanya berjumlah 1,997 tan metrik berbanding 5 tahun yang lalu berjumlah hampir 4,100 tan metrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada statistik pendaratan ikan bagi negeri Melaka, industri perikanan tangkapan telah menyumbang sebanyak 1,769 tan metrik dengan nilai RM31.53 juta pada tahun 2017 dan meningkat kepada 2,001 tan metrik bernilai RM48.62 juta pada tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pendaratan ikan laut di negeri Melaka sebanyak 13.11% pada tahun 2022 berbanding 2017.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah melaksanakan usaha-usaha bagi meningkatkan jumlah pendaratan hasil laut negara termasuk di negeri Melaka seperti berikut:

NO. SOALAN : 28

1. melalui Program Modenisasi Vesel dan Mekanisasi Tangkapan berbentuk pinjaman sebanyak RM150 juta dengan kadar 3.0-3.5% dalam tempoh 10 tahun di bawah Dana Jaminan Makanan (DJM), nelayan-nelayan berpeluang untuk menaiktaraf vesel dan peralatan menangkap ikan. Pada tahun 2023, sebanyak 414 buah vesel telah berjaya menerima tawaran pembiayaan di bawah dana ini dengan 28 buah vesel untuk Program Pemodenan Vesel dan 386 buah vesel untuk Program Mekanisasi. Sebanyak satu permohonan Program Modenisasi bernilai RM300,000 dan 19 permohonan Program Mekanisasi Tangkapan bernilai RM535,000 dari Melaka telah diluluskan;

2. mengasah kemahiran serta meningkatkan pengetahuan belia melalui kursus kemahiran dan program Sijil Diploma Program Operasi Teknologi Perikanan Tangkapan di Akademi Perikanan Malaysia (APM) di Chendering Terengganu dan Kolej Perikanan Sultan Nazrin (KPSN) di Lumut Perak secara percuma. Dari 2018 hingga 2023, seramai 180 belia dari seluruh negara mengikuti latihan serta pembelajaran dengan penyertaan seorang (1) belia dari Melaka;

3.ewartakan kawasan refugia, taman laut dan santuari bagi menyediakan tempat pembiakan, meningkatkan kawasan asuhan bagi anak-anak ikan serta mengawal eksploitasi berlebihan. Terkini, keluasan kawasan perlindungan marin (MPA) negara yang telah diwartakan adalah 25,690.2 km persegi iaitu sebanyak 5.42% daripada keluasan perairan negara. Sehingga kini, sebanyak 3 taman laut iaitu Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka di Melaka melibatkan seluas 25.97 km persegi telah diwartakan pada tahun 2023;

4. meningkatkan bilangan tukun tiruan di kawasan-kawasan zon larangan pukut tunda bagi mengelakkan kemusnahan habitat serta meningkatkan biojisim perikanan. Sebanyak 66 tukun tiruan telah dilabuhkan di Melaka dari tahun 2008 hingga 2022 dengan kos perbelanjaan bernilai RM1.14 juta. Pada tahun 2023, Kerajaan menyasarkan sebanyak 10 lokasi tukun tiruan di 5 negeri di bawah

peruntukkan Projek Pembangunan dan Pengurusan Sumber Perikanan bernilai RM1.8 juta;

5. mempelbagaikan aktiviti dalam rantai nilai perikanan seperti akuakultur, industri asas tani, pemasaran produk perikanan, industri sokongan perikanan, agropelancongan dan perikanan rekreasi melalui Program myKomuniti Perikanan (myKP) dan myAgropreneur Perikanan (myAP). Bagi tahun 2023, terdapat sebanyak 234 buah persatuan myKP dengan 6,239 peserta dan 560 individu yang menyertai myAP di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 322 peserta myKP dan 18 peserta myAP adalah daripada negeri Melaka. Bagi Program myKP ini juga, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM339,500 untuk aktiviti-aktiviti rantai makanan di Melaka. Seorang usahawan perikanan di Tangga Batu telah menerima peruntukan sebanyak RM36,000 bagi program ini; dan

6. melaksanakan penguatkuasaan serta kerjasama DOF dengan badan-badan penguatkuasa seperti Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Polis Marin bagi melaksanakan pemantauan dan kawal selia daripada pelanggaran Akta Perikanan 1985 atau mana-mana Peraturan Perikanan serta pencerobohan vesel penangkapan ikan asing ke kawasan perairan negara. Pada tahun 2022, sebanyak 741 kes tangkapan dilaporkan melibatkan pelbagai jenis kesalahan manakala sebanyak 591 kes tangkapan direkodkan pada tahun 2023 di mana 29 kes adalah berlaku di Melaka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan penilaian keberkesanan Inisiatif Pendapatan Rakyat yang dijalankan oleh Kerajaan dengan menyasarkan 5000 buah mesin layan diri (*vending machine*) sebagaimana yang dilaporkan oleh portal berita Malay Mail pada 14 Jun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Ekonomi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat atau IPR yang merupakan pelengkap kepada program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Di bawah IPR, templat program meliputi ekosistem yang lengkap dibangunkan dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan.

Sehingga 8 November 2023, sejumlah 130,304 permohonan melalui portal IPR telah diterima daripada rakyat Malaysia untuk menyertai program IPR. Daripada keseluruhan permohonan ini, sejumlah 48,687 individu daripada kategori berpendapatan rendah layak untuk dipadankan dengan tiga (3) inisiatif ini yang meliputi 20,944 pemohon di bawah Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), 13,192 di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dan 14,551 pemohon di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Di bawah Inisiatif Usahawan Tani atau INTAN, sejumlah 1,020 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di 16 lokasi berkeluasan 818 ekar di seluruh negara dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM92.6 juta.

Pelaksanaan Inisiatif Usahawan Makanan atau INSAN pula telah memberi manfaat kepada sejumlah 100 peserta dan terdapat peserta yang telah berjaya meraih hasil jualan purata sehingga RM14,000 sebulan. Kementerian Ekonomi sentiasa melaksanakan pemantauan terperinci secara harian menerusi aplikasi khusus yang dibangunkan oleh pihak *vendor* bagi menilai keberkesanan program serta melaksanakan tindakan intervensi bersesuaian dari semasa ke semasa.

Untuk tempoh 12 bulan yang akan datang, Kementerian Ekonomi akan mengenal pasti lokasi-lokasi strategik di seluruh negara untuk menempatkan 4,900 *vending machine* tambahan.

Manakala, di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan atau IKHSAN pula, sejumlah 1,032 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM14.2 juta.

Selain itu, pendekatan membasmi kemiskinan tegar sedia ada iaitu menerusi pelaksanaan program secara bersasar sama ada secara individu, komuniti atau hibrid juga turut diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti yang dikenal pasti di seluruh negara.

Sehingga kini, sejumlah 1,901 KIR miskin tegar telah diluluskan projek dengan peruntukan sebanyak RM24.8 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program ini di seluruh negara. Pelaksanaan pendekatan yang berasaskan kepada konsep lokaliti ini juga turut diberi tumpuan kepada daerah-daerah yang mempunyai kadar kemiskinan tegar yang tinggi di seluruh negara.

Kerajaan juga turut melantik pegawai lapangan di peringkat daerah bagi tujuan pelaksanaan dan pemantauan pelaksanaan IPR. Selain itu, Kerajaan dengan kerjasama universiti awam juga membangunkan sistem pangkalan data yang dikenali sebagai iBox yang merupakan pangkalan data bersepadu yang boleh memaparkan data dan maklumat secara *dashboard* untuk memantau status kemajuan program yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program ini akan turut diperluas dari semasa ke semasa bagi memastikan lebih ramai golongan sasaran yang mendapat limpahan manfaat dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan menerusi program ini dan program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi lain.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan projek tebatan banjir dan permohonan RM70 juta oleh Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) Larut Matang dan Selama (LMS) dengan kerjasama Pusat Khidmat P059 Parlimen Bukit Gantang bagi mengatasi masalah banjir di Bukit Gantang. Apakah usaha Kementerian dalam memperbaiki sistem takungan di kawasan lombong dan saluran di Kurnia Jaya, Ayer Kuning, Taman Pengkalan Makmur dan Batu 14 Trong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengemukakan dua (2) permohonan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Larut, Daerah Larut Fasa 2, Daerah Larut Matang dan Selama serta Rancangan Tebatan Banjir Sungai Trong, Daerah Larut, Matang dan Selama di dalam permohonan projek *Rolling Plan* yang seterusnya.
2. Bagi mengurangkan risiko banjir di Parlimen Bukit Gantang, pihak JPS telah melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan sungai dan penstabilan tebing mengikut keutamaan melibatkan tiga (3) projek dengan anggaran kos RM300 ribu yang telah disiapkan pada September 2023.
3. JPS juga telah menjalankan beberapa langkah mitigasi dengan menyelenggara dua (2) buah Kolam Takungan banjir di Kampung Kurnia Jaya dan dua (2) buah Kolam Ayer Kuning dengan menjadikan lombong sedia ada sebagai kolam takungan banjir yang berfungsi untuk menahan sementara air banjir sebelum dialirkan keluar ke Sungai Relong. Kerjasama ini adalah antara Pejabat Daerah Tanah Larut, Matang dan Selama (LMS) dan JPS Daerah LMS dengan mewartakan lombong sedia ada sebagai kolam takungan banjir di kedua-dua tempat tersebut.
4. Manakala bagi penyelenggaraan Kolam Takungan Banjir Taman Pengkalan Makmur telah siap dijalankan pada September 2023 dengan kos berjumlah RM186 ribu. Untuk makluman Yang Berhormat, kolam takungan banjir Batu 14 Trong adalah di bawah penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN EDWIN ANAK BANTA (SELANGAU)

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah cadangan untuk membina lampu isyarat di laluan masuk ke Pekan Tatau bagi mengelakkan kemalangan dan kelancaran trafik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan mengambil kira spesifikasi teknikal dan keperluan trafik sedia ada, tiada keperluan bagi membina lampu isyarat di laluan masuk pengguna jalan raya ke Pekan Tatau. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya melalui JKR Sarawak akan senantiasa memantau keperluan trafik di kawasan tersebut dan membuat penambahbaikan sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan harga beras import di pasaran kembali turun di bawah paras RM38.00/10 kilogram dan beras tempatan kekal RM26.00/10 kilogram. Adakah Kerajaan bercadang menghapuskan monopoli beras negara oleh BERNAS kepada pengusahapengusaha beras yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga beras putih import (BPI) adalah disebabkan oleh harga pasaran antarabangsa bagi BPI telah meningkat sebanyak 60 peratus pada akhir Ogos 2023. Sehingga kini sebanyak 19 negara telah membataskan eksport ke luar negara untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri. Sebagai contoh Negara India telah mengenakan sekatan eksport beras mulai Julai 2023 dan telah memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global. Keadaan ini telah diburukkan lagi dengan kemerosotan kadar tukaran asing Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika (USD). Kenaikan harga beras ini bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi turut dirasai secara global. Berikutan kenaikan harga BPI di pasaran dunia secara mendadak selepas larangan eksport oleh Kerajaan Republik India, BERNAS telah mengumumkan penyelarasan harga jualan BPI di pintu gudang BERNAS seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuat kuasa 1 September 2023 sejajar dengan harga terkini BPI di pasaran antarabangsa.

Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah intervensi bagi mengurangkan impak kenaikan harga beras import dan pengguna mendapat akses yang lebih luas untuk BPT seperti berikut:

- (a) pemerksaan edaran BPT melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dengan meningkatkan pengedaran di kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk kedai-kedai runcit;
- (b) pemberian subsidi sebanyak RM950 per tan metrik bagi BPI di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri akan menjadi pada kadar harga maksima RM31 bagi setiap kampak 10kg;

- (c) memastikan pembekalan perolehan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI di mana pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dan ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; dan
- (d) melancarkan *Task Force* Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT) yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Operasi secara bersepadu akan diketuai oleh YBTM KPKM dan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan menyeluruh di semua peringkat rantai pembekalan BPT termasuk kilang-kilang besar dan stor stor pemborong serta peruncit.

Pelbagai usaha turut dilaksanakan bagi meningkatkan hasil pengeluaran beras tempatan negara sejajar dengan hasrat mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import. Antara inisiatif yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

(i) **Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemetuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) **Program SMART SBB Model Mini Sekinchan**

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar;

(iii) **Pemeriksaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi**

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran sebanyak RM3 bilion melalui pembiayaan swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun; dan

(iv) **Kerjasama Penyelidikan**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mencari inisiatif yang terbaik bagi memastikan kecekapan pengurusan beras negara mengambil kira kepentingan pelbagai pihak yang terlibat di sepanjang rantai nilai industri padi dan beras. Kementerian meyakini bahawa dasar pengimport beras yang sedang dilaksanakan ketika ini adalah kaedah yang terbaik dalam menangani cabaran

NO. SOALAN : 32

semasa dan mendatang. Dasar ini, merupakan mekanisme utama yang telah memberikan keupayaan kepada negara untuk menghadapi cabaran ketidakstabilan harga beras antarabangsa. Ini adalah kerana dasar pengimport utama merupakan mekanisme yang berfungsi sebagai benteng untuk melindungi industri padi dan beras tempatan daripada terdedah kepada ketidaktentuan kedudukan pasaran antarabangsa.

Di dalam perjanjian BERNAS, Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan 10 obligasi oleh pihak BERNAS pada kos yang dianggarkan sebanyak RM3.216 bilion. Sehingga kini, Kerajaan mendapati BERNAS telah berjaya melaksanakan tanggungjawab serta obligasi yang diamanahkan kepada mereka di mana prestasi BERNAS dinilai melalui Jawatankuasa Pemantauan KPI BERNAS sebanyak dua (2) kali setahun. Semenjak tahun pertama perjanjian ke-tiga ditandatangani, BERNAS telah berjaya mencapai melebihi 90% markah pematuhan.

Berdasarkan kepada perkara ini, sebarang keputusan mengenai perubahan dasar pengimport utama beras ini wajib mengambil kira kebajikan dan pendapatan para pesawah, kestabilan dan jaminan bekalan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan KPKM untuk membantu meningkatkan biosekuriti industri penternakan khinzir akibat wabak *African Swine Fever*. Apakah rancangan Kementerian membantu penternak memulihkan penternakan yang mengalami kerugian besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk meningkatkan biosekuriti dalam industri penternakan khinzir bagi mencegah perebakan wabak termasuk wabak *African Swine Fever* (ASF), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) melaksanakan program-program berikut:

- (i) kempen kesedaran dan sesi libat urus bersama penternak untuk meningkatkan kefahaman amalan biosekuriti yang baik di peringkat ladang dan seterusnya memastikan pencegahan dan kawalan penyakit; dan
- (ii) penternak digalakkan melaksanakan penternakan secara kandang tertutup dan mengamalkan sistem penternakan yang baik (*good animal husbandary practice*, GAHP).

Bagi membantu penternak yang mengalami kerugian akibat wabak ASF, Kementerian memberikan bantuan wang ihsan dengan kadar seperti berikut bagi ternakan yang dilupuskan:

- (i) Poker - RM400.00 seekor
- (ii) Babi Dewasa - RM800.00 seekor dan
- (iii) Babi Induk - RM 3,000.00 seekor

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah drastik, jangka pendek dan panjang pihak Kementerian untuk mengawal harga benih padi yang semakin membebankan, dan bagaimana Kementerian mahu membantu meringankan beban pesawah di seluruh negara yang mengalami masalah benih ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan Benih Padi Sah (BPS) semasa adalah sebanyak 72,000 tan metrik atau 3.6 juta kampak (20 kilogram) setahun. Keperluan benih bagi sehektar tanah sawah adalah sekitar tujuh (7) hingga 10 beg per hektar (20 kilogram) atau 140 kilogram hingga 200 kilogram. Para pesawah menikmati insentif sebanyak RM1.03 bagi setiap kilogram BPS yang dibeli daripada pengeluar BPS yang dilantik oleh Kerajaan.

Bagi memastikan bekalan BPS mencukupi dan harga terkawal, Kementerian telah mengambil beberapa langkah drastik jangka pendek seperti berikut:

NO. SOALAN : 34

- (a) memantau dan mengawal ketat proses kelulusan ladang dan makmal terhadap 12 pengeluar BPS berdasarkan SOP yang ditetapkan oleh jabatan dan agensi sebelum BPS ini dijual kepada pesawah;
- (b) meluluskan sebanyak 532,325 kampil BPS bagi kegunaan di negeri Kedah dan Perlis dengan rekod pengeluaran 89,723 kampil benih pada 18 Oktober 2023 lalu, 151,200 kampil benih pada 26 Oktober 2023, 79,142 kampil benih pada 3 November 2023 dan 112,260 kampil benih pada 10 November 2023;
- (c) melancarkan *Task Force* Operasi Benih Padi Sah (OP BPS) Zon Utara bermula 7 November 2023. Tempoh pelaksanaan *Task Force* OP BPS ini diadakan selama dua (2) minggu bermula 7 November 2023 sehingga 21 November 2023. Ini adalah untuk memastikan semua peruncit menjual mengikut harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan tiada unsur menyorok BPS;
- (d) penetapan harga maksimum jualan BPS bagi setiap kampil 20 kilogram sebanyak RM40 di pintu gudang syarikat pengeluar manakala RM45 bagi harga runcit mulai 20 Oktober 2023. Penetapan harga ini dibuat bagi mengelakkan manipulasi harga BPS di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak;
- (e) penjualan BPS yang dipakejkan bersama racun khusus bagi varieti padi CL220 sebelum ini hendaklah dijual secara berasingan. Harga BPS bagi varieti CL220 adalah pada harga maksima RM40 di pintu gudang syarikat pengeluar dan RM45 di peringkat runcit. Justeru, surat arahan penjualan BPS secara terus kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan petani bertarikh 11 Oktober 2023 adalah terbatal;
- (f) berkaitan isu peruncit yang menjual benih padi melebihi RM45 sepertimana yang ditetapkan, Kerajaan telah mengambil

NO. SOALAN : 34

tindakan serta merta dengan menarik semula lesen penjualan BPS serta merta;

- (g) melakukan risikan dan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan ketetapan harga ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak;
- (h) menyarankan pesawah atau mana-mana pihak berkepentingan membuat aduan secara terus kepada Cawangan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), pejabat KPB negeri atau melalui agensi seperti Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) atau Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sekiranya menghadapi masalah berkaitan bekalan dan isu benih; dan
- (i) mengeluarkan lesen runcit melalui kuasa Ketua Pengarah KPB di bawah peruntukan Seksyen 4 Akta Pengawalan Padi Beras 1994 [Akta 522] kepada PPK dan syarikat untuk mengedarkan BPS terus kepada pesawah.

Bagi langkah jangka panjang Kerajaan akan melaksanakan kajian untuk mengimbangi harga belian padi dan harga benih supaya mencapai keseimbangan dalam mengawal harga benih dan memberi keuntungan kepada pesawah dan pengeluar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan strategi Kementerian untuk meningkatkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di luar bandar bagi memastikan graduan universiti dan pekerja berkemahiran tinggi mempunyai peluang untuk bekerja dan tinggal di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk meningkatkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di luar bandar bagi memastikan graduan universiti dan pekerja berkemahiran tinggi mempunyai peluang untuk bekerja dan tinggal di luar bandar.

Antara program yang dilaksanakan adalah Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) yang memfokuskan kepada pembangunan *niche product* dan mewujudkan *economy of scale*. Projek yang dilaksanakan merangkumi ternakan ikan air tawar, perusahaan burung walit dan tanaman jagung sedang dilaksanakan di seluruh negara. Melalui projek-projek tersebut, graduan universiti di kampung akan mendapat peluang untuk terlibat secara langsung dalam merencanakan ekonomi luar bandar. Bagi tahun 2023, terdapat sebanyak 14 projek dalam pelaksanaan dengan jumlah peruntukan yang disalurkan RM23.8 juta. Sehingga 30 September 2023, seramai 700 peserta (100%) telah menerima manfaat dari projek ini.

Selain itu, untuk memastikan pembangunan dan perindustrian luar bandar dapat memberi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada graduan universiti, KKDW mengaplikasikan model pembangunan ekonomi berasaskan komuniti atau secara berkelompok bagi membantu meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar melalui pelaksanaan Program Desa Lestari di mana bantuan geran diberikan kepada koperasi kampung tersebut untuk merancang dan menjayakan sesebuah projek pembangunan di kampung. Melalui pelaksanaan program ini, peluang pekerjaan baharu dan peningkatan pendapatan kepada komuniti terutamanya kepada graduan universiti di kampung dapat diberikan. Sebanyak 4,754 peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan telah berjaya menjana pendapatan keseluruhan sebanyak RM95.7 juta.

SOALAN NO : 35

KKDW berusaha menjadi sebuah kementerian yang mesra anak muda dengan memfokuskan kepada pemerksaan TVET untuk menghasilkan graduan berkemahiran tinggi disamping membuka jalan kepada masyarakat untuk keluar daripada belunggu kemiskinan. TVET@KKDW mensasarkan kebolehpasaran graduan yang tinggi bukan sahaja untuk bekerja dengan industri tetapi dapat mencipta peluang pekerjaan sendiri melalui bidang keusahawanan. Ini dapat melahirkan bukan hanya golongan pencari kerja (job-seekers) tetapi golongan pencipta pekerjaan (job-creators).

Program TVET berteraskan keusahawanan dilaksanakan di bawah Program Teknousahawan dan Program *Training Income Generation* (TRIG) di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) bagi melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan pengalaman sebagai seorang usahawan perantisan sebelum menerokai dunia perniagaan sebenar. Program TVET Usahawan (Teknopreneur) ini dilaksanakan dengan memadankan kerangka TVET mengikut kluster perniagaan yang bersesuaian antaranya usahawan perabot (KBNET).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN
AHMAD KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada terdapat usaha mencatu atau mengawal penjualan beras tempatan kepada warga asing yang berada di Malaysia. Hal ini, memandangkan terdapat aduan monopoli pembelian oleh warga asing ke atas produk ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum mempunyai perancangan untuk mencatu atau mengawal penjualan beras tempatan kepada warga asing di Malaysia. Walaubagaimanapun, bagi memastikan keseluruhan bekalan beras mencukupi untuk dinikmati oleh semua pihak, Kerajaan telah mengambil langkah penguatkuasaan melalui Arahan Had Pembelian maksimum Beras Putih Tempatan (BPT) bagi setiap BPT dengan jumlah maksima 100 kilogram (10 kampak/10kg) yang dikuatkuasakan secara serta merta kepada individu atau syarikat bermula pada 8 September 2023 bagi memastikan tiada pihak yang menyalahgunakan keperluan BPT bagi tujuan lain.

Sehubungan itu, sekiranya terdapat pelanggaran arahan had pembelian ini, aduan rasmi hendaklah dikemukakan kepada pejabat Kawalselia Padi dan Beras untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian untuk memperkukuh dasar kepada peningkatan pengeluaran padi/beras dan strategi persaingan sedang dipertimbangkan untuk mengatasi prestasi pengeksport beras terkemuka seperti India dan Thailand dalam pasaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa prihatin dalam memastikan bekalan makanan terjamin dan mencukupi sepanjang masa. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa padi yang dihasilkan oleh setiap negara adalah berbeza mengikut varieti benih padi yang digunakan. Bagi Malaysia, antara strategi Kerajaan di dalam mempertingkatkan hasil dan kualiti padi negara adalah seperti berikut:

I. Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada kesungguhan KPKM dalam isu sekuriti bekalan makanan khususnya beras, di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

II. Program SMART SBB Model Ala Sekinchan

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian secara meluas, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar berbanding 7.00 tan metrik per hektar pada musim sebelumnya, dan pengeluaran padi di Kampung Gerai, Terengganu sebanyak 7.0 tan metrik per hektar berbanding 4.1 tan metrik per hektar pada musim sebelumnya;

III. Pemerkasaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran yang akan melibatkan kos pembangunan sebanyak RM3 bilion dilaksanakan melalui pembiayaan swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun;

IV. Kerjasama Penyelidikan

KPKM melalui Insititut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut berkerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan badan penyelidikan swasta bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, bertoleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan berdaya tahan dalam cuaca ekstrem dan;

V. Pematuhan Operasi Standard (SOP)

Bagi memastikan kualiti padi bermutu tinggi, KPKM mengalakkan pesawah menggunakan benih padi sah. KPKM melalui Jabatan Pertanian (DOA) turut memantau dan mengawal ketat proses kelulusan ladang dan makmal terhadap 12 pengeluar benih padi sah berdasarkan SOP yang ditetapkan sebelum benih padi sah ini dijual kepada pesawah.

Dari segi persaingan dengan negara pengeksport, pada masa ini Malaysia masih bergantung kepada import beras dari luar negara memandangkan penghasilan beras dalam negara masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk. Justeru itu, persaingan dengan negara pengeksport adalah tidak wujud.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kesediaan Malaysia membangunkan industri mineral daripada aspek teknologi dan tenaga mahir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian telah menyediakan Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021 – 2030) yang bertujuan mempertingkatkan pembangunan dan pengurusan industri mineral dengan memberikan penekanan kepada penciptaan nilai tambah, diusahakan secara lestari dan mencipta industri sokongan termasuk penggunaan teknologi terkini dalam Revolusi Industri 4.0.
2. Pelan TIM 2021 – 2030 ini merupakan satu perancangan bersifat holistik, di mana hasrat utama kerajaan adalah ingin membangunkan industri mineral secara menyeluruh dan bersepadu melalui transformasi di setiap peringkat rantai nilai merangkumi sektor hulu, pertengahan dan hiliran. Ini termasuklah pembangunan modal insan, teknologi dan inovasi.
3. Pada masa ini, Kementerian di dalam peringkat akhir penyediaan Dasar Mineral Negara 3 yang turut menekankan penggunaan teknologi dan inovasi bagi industri mineral. Dasar ini dibangunkan selari dengan dasar-dasar utama sedia ada diantaranya Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Nasional 2021 -2030. Kementerian telah melaksanakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan Dasar Mineral Negara 3 yang sedang dirangka dapat memenuhi aspek teknologi dan tenaga mahir bagi industri mineral.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan negara Malaysia berikutan isu keterjaminan makanan di atas keputusan beberapa negara seperti India yang telah memberhentikan eksport beras ke seluruh dunia serta kenaikan harga beras import daripada negara Vietnam dan Thailand. Sejauh manakah tindakan negara-negara ini akan memberikan impak kepada bekalan beras yang cukup untuk keperluan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga beras putih import (BPI) adalah disebabkan oleh harga pasaran antarabangsa bagi BPI telah meningkat sebanyak 60 peratus pada akhir Ogos 2023. Sehingga kini sebanyak 19 negara telah membataskan eksport ke luar negara untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri. Sebagai contoh Negara India telah mengenakan sekatan eksport beras mulai Julai 2023 dan telah memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global. Keadaan ini telah diburukkan lagi dengan kemerosotan kadar tukaran asing Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika (USD). Kenaikan harga beras ini bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi turut dirasai secara global. Berikutan kenaikan harga beras putih import di pasaran dunia secara mendadak selepas larangan eksport oleh Kerajaan India, BERNAS telah mengumumkan penyelarasan harga jualan BPI di pintu gudang BERNAS seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa 1 September 2023 sejajar dengan harga terkini BPI di pasaran antarabangsa.

Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah intervensi bagi mengurangkan impak kenaikan harga beras import dan pengguna mendapat akses yang lebih luas untuk BPT seperti berikut:

- (i) Operasi Beras Putih Tempatan (OP BP), Operasi Jamin (OP JAMIN) iaitu kolaborasi secara strategik dengan KPDN, menguatkuasakan Arahan Had Pembelian Maksimum 100 kilogram (10 kampil/10kg) kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 dan pelbagai sesi libat urus untuk mendapatkan input daripada kesemua pihak berkepentingan dalam industri bagi meredakan kebimbangan mengenai kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) dalam pasaran;

NO. SOALAN : 39

- (ii) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu :

Fasa 1: Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan

Fasa 2: Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.

- (iii) mengadakan sesi libat urus Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Persatuan Restoran Pengusaha Makanan dan Penjaja Kecil pada 15 September 2023. Sesi ini telah mencapai persetujuan untuk memberi tawaran lesen borong kepada pengusaha makanan yang bernaung di bawah persatuan perniagaan. Melalui lesen borong ini pengusaha makanan dapat menikmati harga belian Beras Putih Import (BPI) pada harga borong iaitu RM160/50kg (harga pintu gudang);
- (iv) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam pengedaran jualan runcit secara langsung melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman; dan
- (v) pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan empat (4) langkah intervensi tambahan seperti berikut:
- a) pemerksaan edaran BPT melalui FAMA dan LPP bagi meningkatkan pengedaran di kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk kedai-kedai runcit;
 - b) pemberian subsidi sebanyak RM950 per tan metrik bagi BPI di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di

NO. SOALAN : 39

kedua-dua negeri akan menjadi pada kadar harga maksima RM31 bagi setiap kampil 10kg;

- c) memastikan pembekalan perolehan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI di mana pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dan ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; dan
- d) melancarkan *Task Force* Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT) yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Operasi secara bersepadu akan diketuai oleh YBTM KPKM dan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan menyeluruh di semua peringkat rantai pembekalan BPT termasuk kilang-kilang besar dan stor-stor pemborong serta peruncit.

Antara langkah intervensi jangka masa sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran beras negara adalah seperti berikut:

(i) **Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) **Program SMART SBB Model Ala Sekinchan**

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar;

(iii) **Pemeriksaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi**

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran sebanyak RM3 bilion melalui pembiayaan swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan

(iv) **Kerjasama Penyelidikan**

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status dan perkembangan berkaitan cadangan penubuhan Suruhanjaya Gig Malaysia (SEGiM) dalam membela pelbagai pihak termasuklah pengendali, pekerja dan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Suruhanjaya Gig Malaysia (SEGiM) adalah cadangan penubuhan sebuah badan yang bertujuan untuk membela pelbagai pihak, termasuk pengendali, pekerja dan pengguna dalam industri gig. Cadangan penubuhan SEGiM sedang diteliti lebih lanjut oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).
2. Sebagai langkah proaktif dan segera, KSM dalam proses untuk membentuk **Jawatankuasa Pro Tem**. Kajian menyeluruh mengenai ekonomi gig dan penggiat gig akan dilaksanakan pada tahun 2024 untuk melihat keperluan pewujudan undang-undang untuk mengawal selia industri gig, dengan mengambil kira standard perburuhan yang ditetapkan oleh *International Labour Organization* (ILO) menjelang tahun 2025. **Penelitian terhadap SEGiM sedang dilakukan untuk mengelakkan pertindihan fungsi dengan Majlis Digital Malaysia (MD1RN).**
3. Ini adalah kerana KSM juga telah dilantik untuk mengetuai Kluster Bakat Digital yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia bagi menyelaraskan pelaporan kemajuan inisiatif di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) dan Dasar 4IR Negara (d4IRN) bagi program dan aktiviti berkaitan pembangunan modal insan terutama dalam bidang digital. Kluster ini berperanan untuk meneliti dan memacu pembangunan bakat digital yang kompeten, tangkas dan berdaya tahan di dunia digital yang berkembang dengan pesat.
4. KSM berusaha untuk memastikan perlindungan dan kebajikan semua pihak yang terlibat dalam industri gig. Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan keadilan dan kestabilan dalam ekonomi gig serta memenuhi standard perburuhan antarabangsa yang ditetapkan oleh ILO.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
[AMPANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan memperkenalkan dasar komprehensif atau undang-undang baharu untuk melindungi semua pemegang taruh ekosistem e-hailing dan p-hailing termasuk pengguna, syarikat operator, platform gig, pemandu, penghantar khususnya menjamin kebajikan sosial, keselamatan, kesihatan dan standard perburuhan lain bagi pekerja gig.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang dalam perancangan menubuhkan **Jawatankuasa Pro Tem Penggiat Gig (P-Hailing) 2023** yang bertepatan dan **bersesuaian dengan dasar dan pengurusan perburuhan Kementerian** yang menjurus kepada penyediaan perlindungan sosial, peningkatan kebajikan penggiat gig, penyelarasan aspek latihan kemahiran dan peningkatan ilmu serta pengendalian kilanan penggiat gig khususnya penghantar P-Hailing.
2. KSM telah dari masa ke masa menerima pertanyaan, aduan dan saranan-saranan dari pelbagai pihak terutama pihak berkepentingan dalam industri gig mengenai perkara-perkara berkaitan perundangan, perlindungan sosial dan kebajikan mereka. Sehingga kini tiada perundangan spesifik yang mengawal selia industri gig di negara ini dan juga di peringkat antarabangsa.
3. Justeru itu, satu **Garis Panduan Penggiat Gig (P-Hailing) dan Syarikat Penyedia Platform 2024** telah dirangka dan dicadangkan sebagai rujukan kepada penggiat gig dan syarikat penyedia platform bagi mewujudkan persekitaran ekonomi gig dan kegiatan penggiat gig yang teratur dan harmoni bagi memberi perlindungan dan menjaga kebajikan penggiat gig. Ianya juga bertujuan untuk menjaga kepentingan pihak berkepentingan dalam ekosistem gig ini termasuklah syarikat penyedia platform.
4. Garis panduan ini menyediakan prinsip-prinsip asas sebagai rujukan bersama bagi mewujudkan hubungan yang baik antara semua pihak berkepentingan dalam industri gig ini yang merangkumi **enam (6) elemen utama** iaitu **pendapatan, perlindungan sosial, kesedaran aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kebebasan bekerja, bersuara dan berunding, peluang latihan kemahiran dan bimbingan kerjaya serta mekanisme kilanan.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah pantas pihak Kementerian terhadap luahan para petani terhadap ketidakseragaman penyelarasan antara agensi di bawah Kementerian sehingga menjadi antara faktor utama kekurangan bekalan beras di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan isu kekurangan beras tempatan dapat ditangani dengan baik, Kementerian melalui kerjasama dengan pelbagai pihak telah mengambil langkah seperti berikut:

- (i) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu:

Fasa 1: Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan

Fasa 2: Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.

- (ii) mengadakan sesi libat urus Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Persatuan Pengilang Beras dan Persatuan Pesawah bagi mendapatkan gambaran sepenuhnya, pandangan, maklumbalas serta cadangan selaras dengan pembentangan khususnya berhubung sub sektor padi dan beras;
- (iii) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam pengedaran jualan runcit secara langsung melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman;
- (iv) melaksanakan Operasi Jamin (OP JAMIN) iaitu kolaborasi secara strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), menguatkuasakan Arahan Had Pembelian Maksimum kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 dan pelbagai sesi

libat urus untuk mendapatkan input daripada kesemua pihak berkepentingan dalam industri bagi meredakan kebimbangan mengenai kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) dalam pasaran;

- (v) melancarkan *Task Force* Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT) yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguatkuasa Kementerian KPDN dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (**MAQIS**). Operasi secara bersepadu akan diketuai oleh YBTM KPKM dan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan menyeluruh di semua peringkat rantai pembekalan BPT termasuk kilang-kilang besar dan stor-stor pemborong serta peruncit; dan
- (vi) pihak KPKM bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah mengadakan perjumpaan bersama pihak pengilang benih untuk memastikan benih padi sah diedarkan dengan segera bagi mengelakkan berlakunya kekurangan pengeluaran beras.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]
TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pelan tindakan diambil Kerajaan untuk memperkasakan industri halal khususnya kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sejajar sasaran Malaysia menjadi peneraju pasaran halal antarabangsa dengan nilai eksport halal sebanyak RM63.1 bilion menjelang 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri bersama-sama agensinya Halal Development Corporation (HDC) telah membangunkan industri halal supaya lebih berdaya saing dengan berlandaskan kepada Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030) yang telah dilancarkan pada 23 Mac 2023. Pelan ini mensasarkan kenaikan kadar sumbangan industri halal sebanyak 10.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030.

HIMP 2030 telah menggariskan tujuh (7) Teras Strategik dan 23 Inisiatif meliputi bidang pembangunan polisi, infrastruktur perindustrian, bakat tenaga mahir, teknologi dan inovasi, kapasiti Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS), akses pasaran, penjenamaan strategik dan perusahaan Bumiputera.

Dalam hal ini, PMKS akan terus dibimbing untuk mempertingkatkan keupayaan dan kemampuan syarikat agar membolehkan penglibatan di dalam rangkaian bekalan halal, seterusnya menjadi juara halal dalam sektor-sektor seperti pengeluaran produk seperti makanan dan minuman, produk farmaseutikal, barangan kosmetik dan peranti perubatan.

Salah satu program yang dilaksanakan di bawah HDC bagi membantu PMKS adalah program menaiktaraf pemain industri halal untuk berdaya maju secara bersasar dengan objektif menjadikan mereka sebagai pembekal kepada syarikat-syarikat multinasional. Program ini menyediakan pembiayaan sepadan atau "matching grant" yang bertumpu kepada pembangunan produk, pensijilan antarabangsa, penjenamaan dan aktiviti *cross fertilization* pekerja-pekerja daripada syarikat halal tempatan dengan syarikat multinasional agar syarikat halal tempatan dapat mencontohi *best practices* syarikat multinasional dalam aktiviti pengeluaran mereka.

Selain itu, program galakkan perdagangan Halal Malaysia yang diadakan melalui acara-acara utama, merupakan program yang mampu memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri halal global. Program ini menyediakan platform dan aktiviti perniagaan bagi

SOALAN NO : 43

mempromosi jenama serta barangan Halal Malaysia ke pasaran antarabangsa. Program ini turut melibatkan acara pameran dagangan yang dilaksanakan secara bersasar bagi membantu penyertaan syarikat-syarikat tempatan untuk tujuan eksport.

Pada bulan September lalu, MITI bersama MATRADE telah menganjurkan *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) edisi ke-19, yang berjaya mencatatkan jualan sejumlah RM3.11 bilion. Pameran tersebut meliputi 13 segmen halal dan padanan perniagaan yang melibatkan syarikat dalam semua sektor, seterusnya membuka akses kepada pasaran di beberapa rangkaian pasar raya terbesar di dunia termasuk Walmart, Aldi, Asda, Marks & Spencer, Guardian, Sainsbury dan Woolworth.

Industri halal merupakan salah satu sektor yang dititikberatkan di dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Penglibatan PMKS akan diperkasakan melalui Misi 4 NIMP 2030 yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan saksama (“inclusive growth”) di dalam aktiviti ekonomi di semua negeri. Melalui NIMP 2030, Kerajaan juga akan berusaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan prinsip kemampanan bagi memperkukuhkan daya saing industri halal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah projek pengawalan hakisan akan dilaksanakan di kawasan Tanjung Dawai khususnya Kampung Huma kerana hakisan yang berlaku di kampung tersebut semakin parah dan mengancam keselamatan penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hakisan pantai di kawasan Tanjung Dawai khususnya Kampung Huma adalah termasuk dalam Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Sungai Pial sehingga ke Kampung Tanjung Dawai, Daerah Kuala Muda, Kedah. Projek ini dianggarkan berjumlah RM22.2 juta melibatkan kerja-kerja pembinaan struktur kawalan hakisan pantai. Pada masa ini ianya adalah peringkat pelaksanaan kerja ukur dan kerja-kerja pembinaan fizikal dijangka bermula pada 2024 dan dijangka siap pada tahun 2026.

2. Pelaksanaan projek ini dijangka dapat melindungi kawasan kampung yang terdedah dengan hakisan pantai sepanjang 5km, melindungi penduduk seramai 3,000 orang dan melindungi infrastruktur awam seperti jalan raya, sekolah, masjid dan sebagainya daripada kerosakan akibat hakisan pantai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah yuran pengajian yang dikutip oleh universiti awam daripada pelajar-pelajar Saluran Terbuka (*direct intake*) dari tahun 2019 hingga 2023 (termasuk sesi akademik 2023/2024).

JAWAPAN

1. Jumlah yuran pengajian yang dikutip oleh UA melalui Saluran Terbuka adalah seperti berikut:
 - i. Bagi tahun **2019**, jumlah kutipan yuran bagi 15,099 orang pelajar adalah berjumlah RM78,661,944;
 - ii. bagi tahun **2020** pula, kutipan yuran bagi 16,862 orang pelajar adalah berjumlah RM78,661,944;
 - iii. pada tahun **2021** pula, kutipan yuran bagi 17,740 orang pelajar adalah berjumlah RM90,532,806;
 - iv. bagi tahun **2022** pula, kutipan yuran bagi 16,922 orang pelajar adalah berjumlah RM102,010,520; dan
 - v. kutipan yuran bagi 15,595 orang pelajar bagi Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 pula adalah berjumlah RM64,661,565.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR ZULKARNAIN BIN
ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sinergi strategi Kementerian dalam memastikan sasaran kedatangan 3.2 juta pelancong Muslim ke Malaysia sepanjang tahun 2023 dapat dicapai dan sejauh manakah Kementerian menilai potensi industri pelancongan Islam ini dapat membantu memperkasakan ekonomi negara dengan lebih mampan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk mencapai sasaran kedatangan 3.2 juta pelancong Muslim ke Malaysia pada tahun ini, Kementerian melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) dan *Islamic Tourism Centre* (ITC) telah mengadakan program pemasaran di beberapa pasaran sasaran. Antaranya ialah penglibatan dalam pameran perdagangan antarabangsa seperti *Arabian Travel Market (ATM)* di Dubai, Emiriah Arab Bersatu dan *Russia Halal Expo* di Moscow, Rusia. MOTAC bersama ITC juga baru sahaja selesai mengadakan jerayawara di negara China baru-baru ini untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Program tersebut juga adalah untuk menyampaikan maklumat dan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan Pelancongan Islam dan Hospitaliti mesra-Muslim yang tersedia di Malaysia bagi menarik rakyat

beragama Islam dari negara tersebut yang dianggarkan berjumlah seramai 18 juta orang.

2. Turut dijalankan beberapa program sinergi dan kerjasama Kementerian dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan lain untuk mengukuhkan dan melestarikan Pelancongan Islam.

- a. Program Latihan dan Pembangunan Keupayaan;
- b. Program Pembangunan Garis Panduan, Standard dan Pengiktirafan;
- c. Bulan Pelancongan Islam (*Islamic Tourism Month*); dan
- d. Program Pembangunan Rangkaian Rakan Strategik

3. Selain itu, ITC juga telah memeterai perjanjian persefahaman bersama institusi-institusi pengajian tinggi seperti Institut Pengajian dan Dakwah Sabah (IPDAS), *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam usaha memperkasakan Pelancongan Islam dan Hospitaliti Mesra Muslim melalui kajian, program akademik dan pembangunan modal insan.

4. Kesemua inisiatif ini diambil dengan fokus utama bagi mengetengahkan nilai tambah konsep Pelancongan Islam sebagai sebahagian usaha Kerajaan untuk memperkasakan pembangunan ekonomi serta industri pelancongan negara secara lebih mampan. Walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak termasuk pentadbiran negeri-negeri seluruh negara.

5. Dalam hal ini, MOTAC dan ITC akan terus meningkatkan usaha memperkukuhkan industri pelancongan negara dan memberi fokus kepada pembangunan segmen Pelancongan Islam dan Hospitaliti Mesra Muslim. Ini akan dilaksanakan melalui pengenalan produk dan tarikan baru, perkongsian amalan terbaik serta menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan nombor satu pelancong dunia dan negara contoh dalam segmen Pelancongan Islam dan Hospitaliti Mesra Muslim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kepanjangan jalan raya yang perlu dibina mengikut pecahan daerah di Sarawak dan Sabah serta anggaran kos pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya kini sedang menjalankan Kajian Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2040 atau *Highway Network Development Plan 2040* (HNDP 2040) bagi menggantikan HNDP Fasa 2 (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). HNDP 2040 merupakan satu kajian dalam mengenalpasti keperluan pembangunan jaringan jalan raya sama ada jalan baharu mahupun naiktaraf jalan bagi ketiga-tiga wilayah yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan utama negeri. Kajian HNDP 2040 merangkumi pelbagai aspek kajian seperti isipadu trafik, guna tanah, ekonomi, alam sekitar dan sosio-ekonomi bagi mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien melibatkan wilayah-wilayah yang berkaitan. Kajian ini akan siap pada tahun 2024 nanti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pusat telah meluluskan tujuh (7) projek berikut bagi Negeri Sabah dalam RP3, RMKe-12 iaitu:

1. Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1B sepanjang 367.5KM yang melibatkan Parlimen Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Tawau, Lahad Datu, Kinabatangan, Batu Sapi, Beluran dan Ranau.
2. Cadangan Projek Pembinaan Jalan Dari Kalabakan Ke Sempadan Malaysia-Indonesia (Simanggaris) yang melibatkan Parlimen Kalabakan.
3. Membina Bypass Jalan Lok Kawi-Pengalat-Papar, Sabah sepanjang 13.9KM yang melibatkan Parlimen Papar.
4. Menaiktaraf Jalan Lok Kawi Dari Bulatan Sabindo Ke Sungai Kinarut, Sabah sepanjang 3.42KM yang melibatkan Parlimen Papar.

5. Menaiktaraf Pembetung Kepada Jambatan Kekal Di KM113.0, Jalan Kota Kinabalu - Keningau, Keningau yang melibatkan Parlimen Keningau.
6. Menaiktaraf Pembetung Kepada Jambatan Kekal Di KM133.95, Jalan Kota Kinabalu - Keningau, Keningau yang melibatkan Parlimen Keningau.
7. Menaiktaraf Pembetung Kepada Jambatan Kekal Di KM109.38, Jalan Kota Kinabalu - Sandakan, Ranau yang melibatkan Parlimen Ranau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan juga telah meluluskan tiga (3) projek berikut bagi Negeri Sarawak dalam RP3, RMKe-12 iaitu:

1. Lebuhraya Trans Borneo sepanjang 96.32KM yang melibatkan Parlimen Miri, Limbang dan Lawas.
2. *Sarawak Sabah Link Road* Fasa 2 sepanjang 257 km melibatkan Parlimen Miri, Limbang dan Lawas.
3. Kerja Awalan Menaiktaraf FR21 Jalan Serian- Tebedu-Indonesian Border sepanjang 41.9 km yang melibatkan Parlimen Kalabakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kemajuan program atau inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi golongan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan konsisten melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi golongan rakyat terutama Bumiputera. Sehingga kini, strategi dan inisiatif untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi Bumiputera telah mencapai kemajuan seperti berikut:

- i. Pelaburan ekuiti dalam 27 syarikat Bumiputera yang terlibat dalam industri hijau, baru muncul dan bioteknologi berjumlah hampir RM296 juta di bawah VentureTech. Pelaburan ini bukan sahaja akan meningkatkan tahap daya saing perusahaan Bumiputera dan juga pemilikan ekuiti, bahkan turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada Bumiputera;
- ii. Lebih 24,000 peserta menyertai program Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional di bawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Program ini berjaya meningkatkan akses dan tahap pendidikan serta meningkatkan pendapatan Bumiputera melalui peluang pekerjaan yang ditawarkan; dan
- iii. Lebih banyak usahawan Bumiputera berjaya mengembangkan perniagaan setelah mendapat pelbagai manfaat daripada program yang ditawarkan oleh agensi mandat Bumiputera seperti Pensijilan Usahawan MARA dengan penglibatan hampir 2,600 usahawan dan kemudahan pembiayaan serta premis melalui Program Premis Perniagaan dan Program Pembiayaan Keusahawanan di bawah PUNB yang melibatkan lebih 9,700 syarikat dan 14,600 usahawan Bumiputera.

Kebolehpasaran graduan Bumiputera yang mengikuti program TVET di bawah institusi MARA juga menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan kadar kebolehpasaran melebihi 90% bagi graduan German-Malaysia Institute, Universiti Kuala Lumpur, Institut Kemahiran MARA dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA.

Selain itu, penubuhan semula Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera di semua kementerian mulai tahun 2022 membolehkan agenda pemerkasaan Bumiputera dipantau secara lebih menyeluruh bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi golongan Bumiputera.

Kerajaan kini sedang memperhalusi dasar sedia ada berkaitan agenda pemerkasaan Bumiputera bagi merangka hala tuju dan dasar baharu yang lebih adil, saksama dan inklusif. Hala tuju dan dasar baharu tersebut akan turut mencadangkan pelan tindakan penyelesaian terhadap isu ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik yang masih wujud akan serta pendekatan baharu untuk mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna. Cadangan hala tuju dan dasar baharu agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera ini akan dibincang semasa Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 yang dijadual untuk dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah rancangan untuk membangunkan Kampung Biawak atau Kampung Serikin yang bersempadanan dengan Kalimantan, Indonesia sebagai bandar baru selaras dengan pengumuman tambahan RM1 bilion oleh YAB Perdana Menteri pada Hari Malaysia ke-60 bagi membangunkan sempadan Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian mengambil maklum pengumuman YAB Perdana Menteri tentang penyediaan peruntukan berjumlah RM1 bilion bagi pembangunan kawasan sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan berikutan cadangan perpindahan Ibu Kota Negara Indonesia dari Jakarta ke Nusantara, Kalimantan Timur. Pihak Kementerian Ekonomi memaklumkan peruntukan ini bertujuan membangunkan infrastruktur keselamatan dan infrastruktur asas seperti Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQS), jalan perhubungan rentas sempadan serta pembangunan bandar sempadan.

Pihak Kementerian Ekonomi juga memaklumkan bahawa Kementerian berkenaan telah meluluskan permohonan Kementerian Pertahanan di bawah Peruntukan Projek Pembangunan Kawasan Sempadan Sarawak, RP3 Tahun 2023 untuk Projek Naik Taraf 17 Pos

SOALAN NO : 49

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan kos berjumlah RM5 juta dan siling 2023 berjumlah RM2 juta di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan termasuk di Biawak dan Serikin.

Projek naik taraf pos ATM ini bertujuan mengawal sempadan negara daripada pencerobohan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan barangan rentas sempadan dari dan ke Indonesia selain mengimbangi kekuatan tentera Indonesia di Kalimantan. Pos-pos ATM ini juga adalah penting untuk menjaga keselamatan infrastruktur kritikal Malaysia yang berdekatan iaitu Empangan Bakun, Empangan Baleh dan Empangan Bengoh.

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sentiasa komited dalam membuat perancangan pembangunan desa dan wilayah yang inklusif, mampan dan holistik agar memenuhi keperluan rakyat termasuk pembangunan bagi kawasan bersempadanan dengan Kalimantan, Indonesia seperti Kampung Biawak dan Kampung Serikin.

Walau bagaimanapun, pembangunan sesuatu kawasan terutama sekali kawasan sempadan adalah tertakluk kepada perancangan Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian mengambil perhatian terhadap keperluan-keperluan pembangunan tersebut dan akan meneliti permohonan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN 49

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai bilangan kemasukan pelajar ke universiti awam melalui Saluran Terbuka (*direct intake*) dari tahun 2019 hingga 2023 (termasuk sesi akademik 2023/2024) berdasarkan pecahan kursus universiti, nama universiti serta peratusan pelajar saluran terbuka berbanding jumlah pelajar dalam sesuatu kursus tersebut.

JAWAPAN

1. Bagi membolehkan jawapan ini diberikan secara lisan, maka, maklumat yang akan diberikan adalah berdasarkan Kod Pendidikan Nasional 2020 (NEC-2020), memandangkan terdapat perincian kursus yang terlalu banyak di setiap UA.

2. Tujuh (7) bidang pengajian utama mengikut NEC 2020 adalah:
 - i. Pendidikan;
 - ii. Sastera dan Kemanusiaan;
 - iii. Sains Sosial, Perniagaan;
 - iv. Perundangan;
 - v. Sains, Matematik dan Komputer;
 - vi. Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan;
 - vii. Kesihatan dan Kebajikan;
 - viii. Perkhidmatan

3. Melalui semakan data yang dikumpulkan daripada kesemua UA, berikut adalah maklumat yang diperlukan:
 - i. Universiti Malaya (UM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 4% bagi tahun 2019, 5% bagi tahun 2020, 9% bagi tahun 2021, 10% bagi tahun 2022 dan 14% bagi tahun 2023.

 - ii. Universiti Sains Malaysia (USM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 30% bagi tahun 2019, 31% bagi tahun 2020, 32% bagi tahun 2021, 28% bagi tahun 2022 dan 26% bagi tahun 2023.

 - iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 5% bagi tahun 2019, 11% bagi tahun 2020, 18% bagi tahun 2021, 21% bagi tahun 2022 dan 27% bagi tahun 2023.

- iv. Universiti Putra Malaysia (UPM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 13% bagi tahun 2019, 17% bagi tahun 2020, 10% bagi tahun 2021, 8% bagi tahun 2022 dan 12% bagi tahun 2023.
- v. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 24% bagi tahun 2019, 41% bagi tahun 2020, 46% bagi tahun 2021, 38% bagi tahun 2022 dan 34% bagi tahun 2023.
- vi. Universiti Utara Malaysia (UUM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 0% bagi tahun 2019, 2% bagi tahun 2020, 2% bagi tahun 2021, 4% bagi tahun 2022 dan 4% bagi tahun 2023.
- vii. Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 15% bagi tahun 2019, 6% bagi tahun 2020, 6% bagi tahun 2021, 4% bagi tahun 2022 dan 8% bagi tahun 2023.
- viii. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 2% bagi tahun 2019, 2% bagi tahun 2020, 1% bagi tahun 2021, 3% bagi tahun 2022 dan 0% bagi tahun 2023.
- ix. Universiti Malaysia Sabah (UMS) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 4% bagi tahun 2019, 8% bagi tahun 2020, 10% bagi tahun 2021, 0% bagi tahun 2022 dan 0% bagi tahun 2023.

NO. SOALAN : 50

- x. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 30% bagi tahun 2019, 27% bagi tahun 2020, 30% bagi tahun 2021, 18% bagi tahun 2022 dan 15% bagi tahun 2023.
- xi. Universiti Teknologi MARA (UiTM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 10% bagi tahun 2019, 10% bagi tahun 2020, 10% bagi tahun 2021, 10% bagi tahun 2022 dan 10% bagi tahun 2023.
- xii. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) – tiada pengambilan melalui Saluran Terbuka sepanjang 2019 sehingga 2023.
- xiii. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) - tiada pengambilan melalui Saluran Terbuka sepanjang 2019 sehingga 2023.
- xiv. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 1% bagi tahun 2019, 1% bagi tahun 2020, 1% bagi tahun 2021, 1% bagi tahun 2022 dan 0% bagi tahun 2023.
- xv. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) - tiada pengambilan melalui Saluran Terbuka sepanjang 2019 sehingga 2023.
- xvi. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) - tiada pengambilan melalui Saluran Terbuka sepanjang 2019 sehingga 2023.
- xvii. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPASA) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 2% bagi tahun 2019, 1% bagi tahun 2020, 1% bagi tahun 2021, 0% bagi tahun 2022 dan 0% bagi tahun 2023.

NO. SOALAN : 50

- xviii. Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) - tiada pengambilan melalui Saluran Terbuka kecuali pada tahun 2022 sebanyak 1%.

- xix. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) - jumlah keseluruhan pelajar bagi bidang pengajian utama melalui Saluran Terbuka berbanding jumlah kemasukan keseluruhan adalah 2% bagi tahun 2019, 3% bagi tahun 2020, 1% bagi tahun 2021, 8% bagi tahun 2022 dan 7% bagi tahun 2023.

- xx. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) - tiada pengambilan melalui Saluran Terbuka sepanjang 2019 sehingga 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah projek serta peruntukan yang telah diluluskan di bawah program Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) kepada Sarawak amnya dan kawasan Baram khususnya pada tahun 2023. Nyatakan agensi pelaksana projek-projek yang diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 99 projek di bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang melibatkan peruntukan berjumlah RM15.36 juta telah diluluskan secara prinsip bagi dilaksanakan Negeri Sarawak. Projek-projek tersebut telah dikemukakan kepada agensi Kerajaan (Persekutuan atau Negeri) yang dicadangkan oleh pemohon bagi menjalankan siasatan tapak dan menentusahkan kebolehlaksanaan projek yang dimohon.

Sekiranya projek mematuhi kriteria projek yang ditetapkan dan agensi kerajaan berkenaan berkenaan bersedia untuk melaksana projek tersebut, agensi perlu memberikan aku janji untuk melaksanakan projek IKR pada tahun 2023 sebelum peruntukan yang diluluskan disalurkan bagi tujuan pelaksanaan projek.

Sebanyak 22 agensi telah dilantik, iaitu:

1. Dewan Bandaraya Kuching Utara;
2. Lembaga Kemajuan Bintulu;
3. Majlis Bandaraya Miri;
4. Majlis Daerah Bau;
5. Majlis Daerah Betong;
6. Majlis Daerah Dalat & Mukah;
7. Majlis Daerah Kapit;
8. Majlis Daerah Kanowit;
9. Majlis Daerah Limbang;
10. Majlis Daerah Luar Bandar Sibu;
11. Majlis Daerah Lundu;
12. Majlis Daerah Maradong & Julau;
13. Majlis Daerah Marudi;
14. Majlis Daerah Mato & Daro;
15. Majlis Daerah Sarikei;
16. Majlis Daerah Serian;
17. Majlis Daerah Simunjan;
18. Majlis Daerah Subis;
19. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak;
20. Majlis Daerah Lubok Antu;
21. Majlis Perbandaran Padawan; dan
22. Majlis Perbandaran Sibu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kesan sekatan eksport beras putih negara India dan usaha Kementerian dalam menangani isu beras import ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga beras putih di peringkat global telah mencatatkan peningkatan sebanyak 60% kepada USD650 per tan metrik pada Ogos 2023. Kenaikan harga ini juga diburukkan lagi dengan kemerosotan kadar tukaran asing Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika (USD). Susulan itu, sebanyak 19 negara telah membataskan eksport ke negara luar untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri. Salah sebuah negara pengeksport adalah Negara India yang menyumbang 40% daripada eksport beras dunia pada tahun 2022. Pada Julai 2023, Kerajaan India telah mengumumkan larangan eksport beras putih bukan basmathi ke pasaran global.

NO. SOALAN : 52

Berikutan kenaikan harga beras putih import di pasaran dunia secara mendadak selepas larangan eksport oleh Kerajaan India, BERNAS telah mengumumkan penyelarasan harga jualan Beras Putih Import (BPI) di pintu gudang BERNAS seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa 1 September 2023 sejajar dengan harga terkini BPI di pasaran antarabangsa. Penyelarasan harga BPI tersebut telah menyebabkan permintaan kepada beras putih tempatan (BPT) naik dengan mendadak.

Status terkini, berdasarkan hasil rundingan pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan India, Kerajaan India telah memberikan kuota khas kepada Malaysia melalui kelulusan eksport 170,000 tan metrik beras putih bukan basmathi (*non-basmathi white rice*).

Bagi mengurangkan impak kenaikan harga beras import dan pengguna mendapat akses yang lebih luas untuk BPT, Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah intervensi seperti berikut:

- (i) Operasi Beras Putih Tempatan (OP BP), Operasi Jamin (OP JAMIN) iaitu kolaborasi secara strategik dengan KPDN, menguatkuasakan Arahan Had Pembelian Maksimum 100 kilogram (10 kampak/10kg) kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 dan pelbagai sesi libat urus untuk mendapatkan input daripada kesemua pihak berkepentingan dalam industri bagi meredakan kebimbangan mengenai kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) dalam pasaran;
- (ii) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu :
 - Fasa 1: Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan
 - Fasa 2: Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.

- (iii) mengadakan sesi libat urus Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Persatuan Restoran Pengusaha Makanan dan Penjaja Kecil pada 15 September 2023. Sesi ini telah mencapai persetujuan untuk memberi tawaran lesen borong kepada pengusaha makanan yang bernaung di bawah persatuan perniagaan. Melalui lesen borong ini pengusaha makanan dapat menikmati harga belian Beras Putih Import (BPI) pada harga borong iaitu RM160/50kg (harga pintu gudang);
- (iv) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam pengedaran jualan runcit secara langsung melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman; dan
- (v) pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan empat (4) langkah intervensi tambahan seperti berikut:
 - a) pemerkasaan edaran BPT melalui FAMA dan LPP bagi meningkatkan pengedaran di kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk kedai-kedai runcit;
 - b) pemberian subsidi sebanyak RM950 per tan metrik bagi BPI di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri akan menjadi pada kadar harga maksima RM31 bagi setiap kampak 10kg;
 - c) memastikan pembekalan perolehan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI di mana pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dan ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; dan

d) melancarkan *Task Force* Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT) yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Operasi secara bersepadu akan diketuai oleh YBTM KPKM dan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan menyeluruh di semua peringkat rantai pembekalan BPT termasuk kilang-kilang besar dan stor-stor pemborong serta peruncit.

Antara langkah intervensi jangka masa sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran beras negara adalah seperti berikut:

(i) **Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) **Program SMART SBB Model Ala Sekinchan**

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil

sebelumnya sebanyak 7 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar;

(iii) **Pemeriksaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi**

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran sebanyak RM3 bilion melalui Kerjasama awam-swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan

(iv) **Kerjasama Penyelidikan**

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Memandang ke hadapan, Kerajaan akan memperluaskan lagi pelaksanaan program SMART SBB terutamanya model Ala Sekinchan ke seluruh negara; menambah keluasan jelapang padi negara terutamanya di Sabah dan Sarawak; meluaskan rangkaian penyelidikan dan pembangunan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Setiap dimensi keterjaminan makanan perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan. Justeru, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan konsep, *Food Security is a Shared Responsibility*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Solar Hibrid di Sekolah Sungai Arau, Rumah Uban, Rumah Anding, Rumah Sandom dan Rumah Ampa di Parlimen Selangau yang tergendala sejak tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek bekalan elektrik bagi Sekolah Sungai Arau, Rumah Uban, Rumah Anding, Rumah Sandom dan Rumah Ampa adalah di bawah projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Solar Hibrid Fasa III di Kampung dan Sekolah di Pedalaman Sarawak Secara Rundingan Terus yang telah mengalami masalah kelewatan semenjak Ogos 2022.

Kementerian telah menamatkan perkhidmatan kontraktor asal susulan kegagalan pihak kontraktor menyiapkan baki kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan juga semasa dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD). Susulan penamatan tersebut, Kementerian ketika ini sedang dalam proses memuktamadkan skop kerja dan kos bagi melantik kontraktor penyiap. Dengan mengambil kira isu pelaksanaan ini, projek ini dijangka dapat disiapkan pada suku keempat tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah program penyelenggaraan atau naik taraf jalan perhubungan desa masih diteruskan dan jaminan agar di Jalan Jaya Kg Tass Andrassy, Jalan Kijang Batu 24 Balung, Jalan Wakuba Gading, Jalan Kg Baru Runggu, Jalan Sulaiman Batu 15 Jalan Apas, Kg Titingan, Kg Baru 2 Jalan Apas, Kg Blok 31, Jalan Inderasabah, Kg Kokos Simpang 4 Kuburan, Jalan Tiku, Kg Sungai Apas Lorong Cikgu Jamlan, Tawau disenaraikan dalam program ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

KKDW hanya melaksanakan projek bina baru, naik taraf dan baik pulih jalan sahaja manakala penyelenggaraan jalan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Projek-projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) yang telah siap dilaksanakan akan didaftarkan dalam *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) yang mana peruntukan penyelenggaraan adalah berdasarkan senarai yang telah didaftarkan melalui MARRIS. Selain itu, perancangan pelaksanaan projek mengikut keutamaan turut melibatkan agensi Kerajaan Negeri.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM600 juta kos Projek Jalan Perhubungan Desa Wilayah Sabah telah dipersetujui oleh Agensi Pusat. Bagi tahun 2023 peruntukan sebanyak RM145 juta telah disediakan untuk Wilayah Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, jalan-jalan yang disenaraikan oleh Yang Berhormat didapati tidak tersenarai dalam pelaksanaan tahun 2023. Oleh yang demikian, pihak Yang Berhormat bolehlah mengemukakan permohonan untuk tindakan Kementerian tertakluk kepada garis panduan Kementerian dan kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apa sebabnya kelewatan pindaan Sarawak Labour Ordinance supaya diselaraskan hak-hak pekerja di Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan bila pindaan itu harus dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia masih dalam proses untuk meminda Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Ketika ini, pihak Kementerian Sumber Manusia masih dalam proses perundingan dengan Kerajaan Sarawak berhubung cadangan balas yang telah dikemukakan dan proses pindaan akan diteruskan sebaik sahaja isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam Mesyuarat Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 diselesaikan.
2. Secara dasarnya Kerajaan Negeri Sarawak telah menyatakan **persetujuan** untuk menyelaraskan intipati pindaan Akta Kerja 1955 ke dalam Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) supaya semua pekerja di Sarawak menikmati faedah yang sama atau hampir sama seperti pekerja di Semenanjung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sehingga bulan September, berapa ramaiakah golongan miskin tegar daripada 130 000 orang berjaya dinoktahkan dan apakah usaha segera untuk menoktahkan kesemuanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Perpaduan terus beriltizam untuk menoktahkan kemiskinan tegar tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah menerusi pendekatan baharu yang memberi penekanan kepada keupayaan menjana pendapatan tambahan secara mampan.

Kerajaan menyedari bahawa keberkesanan usaha membasmi kemiskinan turut berkait rapat dengan sumber data utama yang dijadikan rujukan. Pada masa ini, sumber data utama yang diguna pakai adalah Survei Pendapatan Isi Rumah (HIES), Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) dan Sistem Informasi Data Maklumat Masyarakat Orang Asli (iDamak) bagi masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan HIES yang terkini dilaksanakan untuk tahun 2022 menunjukkan kadar kemiskinan tegar telah berkurang daripada anggaran 1 peratus tahun 2020 kepada 0.2 peratus atau hanya 18,445 isi rumah pada masa ini.

Pengurangan yang sama dapat dilihat berdasarkan data eKasih iaitu pangkalan data di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Berdasarkan eKasih setakat 31 Oktober 2023, jumlah isi rumah miskin tegar adalah 102,888 Ketua Isi Rumah (KIR). Angka ini menunjukkan penurunan berbanding data eKasih pada bulan Januari 2023 yang mencatatkan sejumlah 126,556 KIR miskin tegar.

Kerajaan juga berusaha untuk melaksanakan anjakan besar melalui pensasaran pemberian bantuan kepada golongan sasaran yang berkelayakan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan Pangkalan Data Utama (PADU) yang berperanan sebagai pangkalan data komprehensif untuk membantu Kerajaan merangka dasar dan program pembangunan termasuk program sosioekonomi dan membasmi kemiskinan secara menyeluruh tanpa pertindihan. Sistem PADU ini dijangka sedia untuk digunakan secara berperingkat mulai Januari 2024. Bagi menoktahkan kemiskinan dengan segera, Kerajaan bertungkus-lumus membantu KIR miskin tegar untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan melalui beberapa tindakan intervensi yang bersifat jangka masa pendek dan sederhana.

Bagi jangka masa pendek, pelbagai langkah diambil bagi membantu golongan miskin seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan melibatkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan. Langkah juga turut diambil melalui inisiatif yang diperkenalkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) seperti Inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Terus dari Ladang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan mampu bayar kepada pengguna.

Bagi strategi jangka masa sederhana, pendapatan rakyat dipertingkatkan melalui program-program keusahawanan, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula serta penyediaan dasar perlindungan sosial yang komprehensif. Inisiatif ini termasuk program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi yang meliputi penyediaan ekosistem yang lengkap dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan. Sehingga kini, sejumlah kira-kira 4,100 isi rumah telah mendapat limpahan manfaat hasil daripada pelaksanaan program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 6 November 2023 juga telah bersetuju supaya semua agensi mengenal pasti isi rumah yang boleh menyertai program dalam tempoh berbaki 2 bulan dan diserapkan ke dalam program yang ditawarkan mengikut kesesuaian serta mempertimbangkan pemberian bantuan tunai khas secara bulanan bagi memastikan golongan miskin tegar melepasi paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan bagi isi rumah yang tidak berkemampuan untuk menjalankan aktiviti penjana pendapatan.

Kerajaan akan terus melipat gandakan usaha membantu KIR miskin tegar untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan melalui pewujudan pelbagai program peningkatan pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan. Pengenal PADU akan membolehkan usaha membasmi kemiskinan tegar dapat dilaksanakan dengan lebih tepat tanpa sebarang keciciran dan pertindihan pemberian bantuan oleh semua agensi Persekutuan dan negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah terdapat rancangan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk mengembalikan kepada Kerajaan Sarawak tanah bekas tapak bangunan sekolah yang telah dibina di tapak baru seperti SK Beladin, SK Pusa, SK Kalok dan SK Maludam untuk kegunaan jabatan dan agensi lain sekiranya tiada pembangunan lanjut yang dirancang di tapak tanah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan komited dalam memastikan urusan pembangunan dan penggunaan tanah-tanah milik Persekutuan di Sabah dan Sarawak dilaksanakan selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963. Untuk makluman, Jemaah Menteri melalui mesyuaratnya bertarikh 16 Jun 2023 antara lain telah bersetuju untuk menyerahkan balik 55 lot tanah Persekutuan di Sarawak yang telah dimohon penyerahan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan 2 lot tanah Persekutuan di Sabah. Walau bagaimanapun, semakan mendapati bahawa tanah-tanah bagi tapak Sekolah-Sekolah Kebangsaan yang diajukan oleh YB tidak termasuk di dalam senarai 55 tanah tersebut.

2. Untuk makluman YB, terdapat keperluan bagi mengekalkan pegangan tanah-tanah Persekutuan yang berorientasikan perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Namun begitu, tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan tersebut boleh disenaraikan sekiranya belum dibangunkan atau terbiar, sekiranya didapati keadaan fizikal tidak sesuai atau terdapat tanah lain yang telah dibangunkan untuk tujuan yang sama di sekitar lokasi tersebut.

Sekian, terima kasih.